


Jilid I
Bil. 19



Hari Jumaat
31hb Oktober, 1986

M A L A Y S I A

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2501]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1987 [Ruangan 2537]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1987 [Ruangan 2537]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.I., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA** (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, **DATO DR LING LIONG SIK**, D.P.M.P. (Labis).

.. Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

.. Menteri Perusahaan Utama, **DATO' DR LIM KENG YAIK**, D.P.C.M. (Beruas).

.. Menteri Penerangan, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

.. Menteri Pertanian, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

.. Menteri Pertahanan, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

.. Menteri Luar Negeri, **DATO' RAIS YATIM**, D.S.N.S. (Jelebu).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE**, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- „ Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim—Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN, P.I.S., A.M.N. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- .. Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN (Taph).
- .. TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- .. DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- .. DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang.)
- .. TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- .. TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- .. TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).

Yang Berhormat TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

- .. DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- .. TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- .. TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- .. TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- .. TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- .. TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- .. DR V. DAVID (Puchung).
- .. TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- .. DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- .. TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- .. DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- .. TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- .. TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN HU SEPANG (Rasah).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- .. TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- .. TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- .. TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- .. DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- .. TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

- Yang Berhormat TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- .. TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- .. TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- .. DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- .. TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- .. DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Bentut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIM BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ PUAN HAJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).

Yang Berhormat TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasar Puteh).
- .. TUAN YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- .. PUAN ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- .. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- .. DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- .. TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.
D.P.M.P., J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suher bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 31hb Oktober, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

SISTEM PERSENJATAAN
TLDM, LUMUT

1. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau bercadang untuk membeli dan memasang satu sistem persenjataan dari Sweden yang telah usang di Pengkalan Tentera Laut di Raja Malaysia, Lumut dengan tujuan untuk memberi perkhidmatan menjaga pengkalan sistem persenjataan dari Sweden yang dimiliki oleh sebilangan negara-negara Asia Tenggara; dan jika begitu halnya, nyatakan kos untuk pembelian ini dan nyatakan sama ada projek ini sesuai dari segi ekonominya.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, Tentera Laut di-Raja Malaysia tidak bercadang untuk memperolehi sebarang sistem persenjataan yang telah usang untuk dipasang di mana-mana pengkalannya.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan tambahan. Saya ingin

bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar atau tidak bahawa negara kita ini terbuka secara luas tanpa mempunyai satu sistem pertahanan. Sebagai contoh, kalau kita selidik bahawa "flying hours or flying time" dengan izin, dari Saigon ke Kuala Trengganu hanya memakan masa lebih kurang 1 jam suku. Jika sekiranya ada, dengan izin, attack, sebagai contoh, daripada negara-negara tersebut, apakah defence system yang kita ada untuk mempertahankan negara kita? Di Lumut, sebagai contoh, Kerajaan telah membelanjakan wang yang begitu banyak, tetapi kita tidak mempunyai satu sistem untuk mempertahankan daripada serangan-serangan udara daripada negara-negara komunis yang berdekatan dengan kita.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini soalan lain daripada soalan asal.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, saya setuju. Yang Berhormat Tuan Zubir bin Embong.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan kedua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Kalau Yang Berhormat tidak ada.....

Tuan Shahidan bin Kassim: Dia minta saya ganti.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Kalau dia tidak ada, kena bertanya kemudian, apabila habis semua soalan, baru kita balik kepada soalan di mana Ahli-ahli Yang Berhormat tidak datang.

(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Zubir bin Embong tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan.

(Soalan No. 3 Y.B. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Basri bin Bajuri.

Tuan Basri bin Bajuri: Tuan Yang di-Pertua, Pertanyaan No. 4.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, saya minta Tuan Yang di-Pertua membuat satu ruling, oleh kerana pertanyaan sudah pun dikemukakan, tetapi nampaknya tidak seorang Menteri atau Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen yang bertanggungjawab untuk menjawab soalan itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Bolehkah mana-mana Timbalan Menteri menjawab?

BELIA—RANCANGAN LATIHAN

4. **Tuan Basri bin Bajuri** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada beliau akan menjadikan golongan belia (lelaki) sebagai salah satu sasarannya. Jika ya, apakah bentuk pelajaran ataupun latihan yang akan diberikan kepada mereka.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, kerana tidak ada Menteri atau Timbalan Menteri sini. Walau bagaimanapun, saya harap sebagai seorang daripada Jemaah Menteri, boleh juga saya jawab atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini tidak ada menerima aduan daripada mana-mana pihak mengenai adanya murid-murid sekolah rendah yang tidak menghormati—minta maaf, ini berkenaan dengan Kementerian Pelajaran.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Itu soalan yang keempat, Yang Berhormat.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Berkenaan dengan soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu jawapan saya ialah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini ada juga rancangan-rancangan tetapi saya tidak dapat memberi butir-butir berkenaan rancangan itu. Tetapi ada juga dalam timbangan Rancangan Malaysia Kelima untuk mengadakan latihan dan lain-lain kepada pemuda-pemuda di dalam negara kita. Itu sahajalah jawapan dari saya. Jikalau ada soalan tambahan, saya boleh jawab (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak ada soalan tambahan, Yang Berhormat.

PELABURAN ASING—INSENTIF

5. **Dr Abdul Hadi bin Derani** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah program-program Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan insentif-insentif baru yang dicadangkan untuk menarik pelaburan asing di dalam pembangunan ekonomi negara ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat):

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah dan sedang merancang beberapa program insentif untuk menarik pelabur-pelabur asing atau pelabur-pelabur tempatan untuk melabur dalam negara ini. Di antara program dan insentif itu ialah:

- (i) mengubahsuaikan garispanduan penyertaan ekuiti pelaburan asing;
- (ii) melonggarkan garispanduan mengenai pemberian jawatan asing bagi syarikat-syarikat;
- (iii) mempergiatkan lagi usaha-usaha menggalakkan pelaburan melalui seminar-seminar tempatan dan luar negeri serta mengadakan rombongan-rombongan keluar negeri. Galakan-galakan yang sedia ada akan diperbaiki lagi untuk menarik lebih banyak pelaburan ke negara ini. Dalam hubungan ini suatu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Pengalakan Pelaburan 1986 akan dibentangkan di Parlimen dalam sesi ini.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, oleh kerana keadaan ekonomi dan resesi yang sangat buruk, kompeni-kompeni atau orang yang menanam modal di sini merasa company tax adalah sangat tinggi. Adakah Kementerian bercadang untuk mengurangkan company tax untuk memberi satu insentif yang positif?

Dato Kok Wee Kiat: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, perkara mengenai tax bukan di bawah Kementerian saya.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Sejak insentif-insentif ini diperkenalkan, berapa banyakkah modal asing yang telah mengalir ke dalam negeri dan juga modal tempatan yang telah mula melabur untuk mengambil peluang insentif-insentif yang dinyatakan itu.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa faham soalan Yang Berhormat itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat sila ulang, mungkin perlahan sangat tadi, tidak dengar.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Sejak insentif-insentif yang dinyatakan tadi telah diperkenalkan, berapa banyakkah modal asing yang telah mula mengalir untuk melabur di negara kita dan juga berapa banyakkah modal dalam negeri yang telah dilaburkan, untuk mengambil peluang insentif-insentif itu?

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, kerana soalan ini meminta angka-angka, saya harap Yang Berhormat boleh memberi notis kepada saya.

Tuan Teoh Teik Huat: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan menyatakan sama ada hasrat Kerajaan untuk mengurangkan peruntukan kepada pekerja yang akan diberhenti atau, dengan izin, retrenchment benefit, adalah salah satu skim insentif untuk menarik minat pelaburan asing?

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu soalan ini tentang pekerja-pekerja atau insentif-insentif.

Tuan Teoh Teik Huat: Adakah ini salah satu insentif untuk menarik pelaburan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat tolong ulang sedikit!

Dato Kok Wee Kiat: Tidak jelas!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Perlahan-lahan sedikit!

Tuan Teoh Teik Huat: Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan sama ada hasrat Kerajaan untuk mengurangkan peruntukan kepada pekerja yang diminta untuk berhenti atau, dengan izin, retrenchment benefit adalah salah satu skim insentif untuk menarik minat pelaburan asing?

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan tidak ada cadangan hendak mengadakan satu skim di mana insentif yang ditawarkan tentang pengurangan pekerja-pekerja oleh kerana retrenchment, dengan izin, kerana itu bukanlah satu daripada insentif ataupun galakan yang perlu ditawarkan untuk menarik pelabur-pelabur ke dalam negara kita.

Sememangnya kita hendak menjaga juga kepentingan dan hak-hak pekerja-pekerja kita supaya tidak tertindas oleh mana-mana pihak. Walaupun demikian, apa jua pengalakan yang difikir perlu untuk menjaga kepentingan ekonomi negara dan kepentingan pihak pelabur akan dikemukakan dan akan diubah mengikut keadaan zaman (*Tepuk*).

RUMAH YANG BELUM DIBINA

6. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah

kebelakangan rumah-rumah yang masih belum dibina di bawah Rancangan Malaysia Keempat, jumlah yang akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Kelima dan apakah langkah-langkah yang telah diambil setakat ini untuk mengurangkan harga rumah harga rendah ke paras bawah \$25,000 oleh kerana harga ini di luar kemampuan golongan berpendapatan rendah.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, sasaran perumahan di bawah Rancangan Malaysia Keempat adalah sebanyak 923,300 unit. Daripada jumlah ini pada akhir tempoh Rancangan Malaysia Keempat sebanyak 391,924 unit telah dapat disiapkan dan bakinya sebanyak 531,376 unit tidak dapat disiapkan. Di samping ini sebanyak 53,873 unit di bawah Program Perumahan Awam Kos Rendah, Program Perumahan Kos Rendah Pemaju Swasta dan Program Perumahan Kos Sederhana dan Tinggi Pemaju Swasta juga berada di dalam peringkat binaan bangunan pada akhir tempoh Rancangan Malaysia Keempat.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelima pula matlamat pembinaan rumah yang telah ditetapkan ialah sebanyak 701,500 unit. Untuk mengurangkan harga rumah kos rendah yang dibina oleh sektor swasta di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah, langkah-langkah yang telah diambil ialah:

- (i) mengurangkan kos tanah melalui penyediaan tanah oleh Kerajaan Negeri untuk dimajukan oleh pemaju-pemaju swasta melalui program penswastaan;
- (ii) mengurangkan premium bagi tukar syarat tanah untuk pembangunan perumahan;

- (iii) mengurangkan piawaian perancangan dan infrastruktur; dan
- (iv) mengecualikan bayaran ukur tanah dan mempercepatkan proses berkaitan dengan pembangunan perumahan dan memperkemaskinikan prosedur mengenai permohonan oleh pemaju untuk mendapatkan pinjaman untuk pembangunan perumahan atau bridging finance, dengan izin.

Selain dari langkah-langkah yang bertujuan untuk mengurangkan harga rumah kos rendah, bagi menambahkan lagi bilangan keluarga yang mampu membeli rumah kos rendah tindakan-tindakan juga telah diambil bagi mengurangkan ansuran bulanan yang kena dibayar oleh pembeli. Di antara tindakan ini termasuklah membenar pencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk mengeluarkan carumannya bagi pembelian rumah kos rendah sebanyak 40% dari harga rumah atau jumlah kredit carumannya mengikut mana yang kurang.

Mengurangkan umur kelayakan dari 30 tahun kepada 25 tahun untuk kakitangan Kerajaan dalam Kumpulan D.

Mendapat pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan dan penyediaan kemudahan pembayaran balik pinjaman secara berperingkat oleh bank-bank perdagangan dan institusi-institusi kewangan.

Bagi mengurangkan pula beban kewangan yang terpaksa ditanggung oleh pembeli di peringkat awal pembelian, beberapa tindakan juga telah diambil, di antaranya ialah:

- (i) mengecualikan duti setem untuk dokumen mengenai bahagian bagi pinjaman dan untuk dokumen pindahmilik rumah; dan

- (ii) mengadakan kadar khas bagi bayaran guaman untuk urusan-urusan berkaitan dengan pembelian rumah kos rendah.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa begitu banyak ataupun tinggi peratusan rumah yang tidak dapat dibina dan disiapkan di bawah Rancangan Malaysia Keempat, sepertimana yang telah tadi diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, suka saya bertanya Yang Berhormat apakah keyakinan pihak Kementerian untuk mencapai matlamat di bawah Rancangan Malaysia Kelima dan sekiranya timbul banyak masalah-masalah yang berkaitan dengan kerumitan untuk mencapai matlamat itu, suka saya bertanya Yang Berhormat apakah langkah-langkah yang berkesan, yang dapat diambil untuk mengatasinya.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, kita telah pun kesan masalah-masalah ini dan cara-cara untuk mengatasinya. Seperti biasa kita telah pun mengadakan bagi Kerajaan-kerajaan Negeri ini untuk mengadakan Jawatankuasa yang bertugas.

Saya sendiri memberi jaminan kepada Yang Berhormat daripada Bukit Bintang, saya akan mengambil berat tentang perkara ini dan saya telah pun pergi ke tiap-tiap negeri, setakat ini dua negeri sudah saya pergi supaya kita dapat mempercepatkan proses ini dan daripada lawatan saya ke negeri itu, saya dapati sekarang ini sangat memuaskan, jentera-jentera dan Jawatankuasa-jawatankuasa telah pun diadakan. Sebagai contohnya bagi negeri Selangor sahaja dalam tahun 1986 hingga 1987 ini untuk memenuhi apa yang kita telah cadangkan untuk membina 80,000 juta rumah ini pada bulan November ini kita akan lancarkan, projek sudah siap untuk

dilancar untuk pembinaan bagi 22 projek ini akan mengandungi 7,000 unit rumah dan ini memberi keyakinan kepada kita, iaitu kalau adanya kerjasama daripada semua pihak dan semangat gigih cintakan negara supaya dapat pertumbuhan ekonomi ini bergerak. saya ingin mengatakan insya Allah kita akan dapat berjalan dengan lebih baik lagi di masa akan datang ini.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan sasaran pembinaan rumah dalam Rancangan Malaysia Keempat ialah 923,300 unit tetapi pencapaiannya hanya 391,924 unit sahaja. Apakah faktor-faktor yang menghalang ataupun yang menggagalkan Kerajaan bagi mencapai matlamat sasaran ini? Dan apakah langkah-langkah yang positif yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi faktor-faktor penghalang itu di dalam rancangan pembinaan rumah bagi Rancangan Malaysia Kelima?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah yang telah kita kesan ini tadi berpunca daripada berbagai faktor, dan salah satu daripadanya di mana saya ingin memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini ialah bila kita hendak membina rumah ini bukan sahaja satu agensi yang terlibat tetapi beberapa agensi adalah terlibat untuk menyediakan rumah ini. Misalnya kalau tanah yang sudah diperolehi kita perlu mengetahui sama ada air ada ataupun elektriknyanya ada atau tidak, jadi ada beberapa faktor. Kalau daripada segi Kementerian, kita boleh buat semuanya tetapi oleh kerana tanah pula adalah hak milik Kerajaan Negeri. Jadi, oleh kerana beberapa perkara inilah kita kadang-kadang mendapati masalah, kadang-kadang ada masalah setinggan, ada juga kalanya masalah kewangan ini dan oleh kerana keadaan ekonomi kita

tidak membenarkan maka tidak dapatlah kita mendirikan rumah-rumah yang mana disebutkan tadi sebanyak 923,000 unit ini.

Suka juga saya menerangkan di sini iaitu rumah kos rendah sahaja bagi Rancangan Malaysia Keempat ini sebanyak 176,500 unit ini adalah rumah yang dibuat oleh sektor awam dan sebanyak 90,000 unit dibuat oleh sektor swasta dan pencapaiannya ialah di bahagian awam 41% manakala pula sektor swasta membina hanya 25.3% dan di sini banyak jugalah rumah-rumah ini bukan sahaja pihak Kerajaan tetapi juga pihak swasta juga tidak dapat mendirikan rumah-rumah ini.

Berkenaan dengan Rancangan Malaysia Kelima tadi memanglah sepertimana saya sebutkan tadi dalam jawapan saya, memang saya ada keyakinan yang ini akan berjalan dan insya Allah sama-sama kita berdoa supaya dapat rumah-rumah ini dibina.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan daripada rumah-rumah yang belum siap ini termasuklah rumah-rumah yang dibina oleh pihak swasta. Saya ingin tahu berkenaan dengan rumah-rumah yang dibina oleh pihak swasta yang tidak siap bahkan terbengkalai sehingga ke hari ini, apakah tindakan pihak Kementerian untuk melindungi pengguna-pengguna yang terlibat dengan rancangan-rancangan perumahan swasta yang terbengkalai itu?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi sedikit meklumat lagi berkenaan dengan rumah 'kos rendah pemaju swasta tadi sebanyak 25.3% yang dapat disiapkan, bagi rumah harga sederhana dan tinggi pula 30.4% dan

bagi syarikat yang lain 21.4%. Jadi, keseluruhannya ada juga yang mana kita membuat satu exercise untuk mengesan rumah-rumah yang terbengkalai ini pada hari ini kita dapat mengesan 126 projek perumahan yang terbengkalai. Usaha-usaha yang kita buat ini dengan izinnnya adalah luar daripada terms of reference Kementerian ini kerana tidak ada di dalam terms of reference, dengan izin, untuk menyelesaikan masalah ini, kerana tiap-tiap pembeli dengan pemaju itu telah membuat kontrak jual-beli. Jadi, sebenarnya Kementerian ini masuk menjadi orang tengah sebenarnya kerana memandangkan begitu banyak wang, lebih kurang \$25 juta telah pun dilaburkan. Jadi, kami hanya dapat bertindak sebagai orang tengah dan daripada 126 projek yang telah pun kita kesan ini sebanyak 8 projek telah pun siap dan selesai dan mereka telah pun menduduki rumah-rumah mereka.

Saya ingin menerangkan di sini kita hanya boleh menyelesaikan masalah-masalah ini sekiranya ada persetujuan daripada pihak yang membuat, pemaju, pihak pembeli dan juga institusi-institusi kewangan yang membiayai projek ini. Kalau mereka itu bersetuju dengan cadangan Kementerian kerana kita kena juga membuat kajian supaya kedua-dua belah pihak tidak mengalami kerugian yang besar.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, panjang sangat jawapan itu. Pendekkan sedikit.

Puan Napsiah binti Omar: Cukup agaknya. *(Ketawa)*

JALANRAYA BERIWAN KE LONG TENGOA

7. **Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Kerjaraya menyatakan

adakah Kerajaan bercadang untuk menyambung jalanraya (yang masa kini hanya menghubungi bandar Trusan dan Kampung Pura Sia sahaja) melalui Kampung Tang Lepad, Kampung Tang Sango, Kampung Long Tengoa dan Kampung Ibau, Trusan, Lawas, Sarawak memandangkan pengangkutan melalui sungai yang ada sekarang ini adalah amat merbahaya. Jika ya, bilakah cadangan itu dilaksanakan dan nyatakan anggaran perbelanjaan; jika tidak mengapa.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya ada mengemukakan cadangan untuk membina jalanraya dari Kuala Berivan ke Long Tengoa yang melalui kampung-kampung yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu di dalam Rancangan Malaysia Kelima. Memandangkan kesulitan kewangan yang dialami oleh negara sekarang maka cadangan itu belum dapat dipertimbangkan lagi. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan mengemukakan cadangan itu semula di masa-masa hadapan apabila keadaan kewangan negara pulih atau bertambah baik.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bilakah Kerajaan dapat menyiapkan pembinaan feri ataupun jambatan yang melintasi Sungai Trusan di mana dengan adanya feri itu rakyat di kawasan Lawas dan Limbang dapat pergi ke Temburong dan juga Brunei untuk memasarkan barang ataupun hasil tanaman ataupun tangkapan ikan yang terdapat di laut?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan dari Ahli Yang Berhormat adalah sedikit lain dari soalan asal. Walau bagaimanapun, berkenaan dengan

Feri itu saya tidak ada apa-apa butir-butir di sini, saya boleh juga memberi sedikit jawapan pada hari Selasa apabila saya datang ke Parlimen kepada Ahli Yang Berhormat.

PENSWASTAAN JABATAN TELEKOM

8. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau akan melambatkan penswastaan Telekom untuk tempoh tiga bulan lagi dari Januari 1, kepada April 1, 1987 agar banyak aduan-aduan, tuntutan-tuntutan dan sungutan-sungutan 30,000 orang pekerja telekom yang masih belum diselesaikan dapat diselesaikan sebelum perkhidmatan telekom diswastakan dan diambil alih oleh Syarikat Telecoms Malaysia (STM).

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk mengubah tarikh pengambilan alih tugas Jabatan Telekom oleh Syarikat Telekom Malaysia seperti yang telah ditetapkan iaitu pada 1hb Januari, 1987. Pekerja-pekerja Jabatan Telekom memang sudah menyerahkan Kertas Pilihan mereka pada 30hb September, 1986 dan mereka sudah pun memilih untuk berkhidmat dengan Syarikat Telekom Malaysia yang akan beroperasi mulai dari 1hb Januari, 1987.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bukankah benar bahawa dalam penswastaan telekom mengenai apa yang sudah berlaku khususnya mengenai memasang kabel, ada kakitangan-kakitangan telekom yang sudah meletak jawatan untuk memasuki bidang penswastaan ini dan sudah dibuang kerja. Apakah jaminan boleh diberi kepada kakitangan-kakitangan telekom ini sekarang di

bawah STM bahawa mereka tentu akan ada jaminan pekerjaan atau security of tenure dan bukan apa yang sudah berlaku kepada kakitangan-kakitangan yang sudah menghadapi masalah ini.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, bagi kakitangan yang secara sukarela telah memasuki kepada syarikat-syarikat swasta dahulu itu terpujanglah kepada mereka sendiri. Bagi kakitangan Jabatan Telekom sekarang yang telah memilih untuk berkhidmat dalam Syarikat Telekom Malaysia, kita memang sudah memberi jaminan secara bertulis bahawa dari segi permulaan lima tahun hadapan, mereka tidak akan kehilangan kerja dalam Syarikat Telekom Malaysia.

Kita juga telah memberi pilihan kepada pegawai-pegawai Jabatan Telekom dahulu, mereka boleh juga berkhidmat mengikut apa dikatakan Skim "A" iaitu serupa dengan bentuk skim Kerajaan. Ini bermakna sekiranya kedudukan pejabat Kerajaan yang berlaku sekarang di mana security of tenure yang berlaku dalam pejabat-pejabat Kerajaan yang lain, juga diamalkan kepada mereka yang memilih Skim "A". Walau bagaimanapun, kebanyakan mereka telah memilih Skim "B", bermakna mereka sendiri telah tidak memilih security of tenure yang diamalkan dalam perjawatan Kerajaan.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin minta Yang Berhormat Menteri menyatakan sebab musabab yang sebenarnya untuk menswastakan telekom. Adakah penswastaan ini bermakna pihak Kementerian telah gagal membekalkan khidmat yang sempurna bagi pelanggan-pelanggan telefon serta yang lain-lain, ataupun pihak Kementerian menghadapi

kerugian sebab, dengan izin, ketidakcekapan, ataupun, dengan izin, not efficient, dan penyelewengan. Terima kasih.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan Telekom di negara kita ini sekarang jika dibandingkan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang diadakan dalam negara-negara yang di peringkat pembangunan serupa dengan kita nampaknya cukup memuaskan. Tujuan kita untuk menswastakan rangkaian telekom atau perkhidmatan telekom di negara ini adalah selaras dengan polisi Kerajaan untuk mengurangkan beban kewangan yang ditanggung oleh Kerajaan sendiri, dari segi polisi penswastaaan ini akan membantu kita mengurangkan bebanan itu.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu kalau Kerajaan beri kompeni itu Syarikat Telekom Malaysia, control atau monopoli telekom-telekom mana boleh janji dia tidak eksploitasi consumers. Adakah lain cadangan bagi lain company, bagi competition sedikit.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, pada permulaannya kita tidak bercadang untuk mengadakan competition dari segi mengendalikan, dengan izin, basic telephone service, walaupun kita mungkin menimbangkan untuk membenarkan competition dari segi, dengan izin, value added services. Untuk menjaga kepentingan awam ataupun pulangan telekom, memang ditetapkan bahawa syarikat yang akan mengendalikan perkhidmatan ini akan mengendalikannya dengan atas syarat-syarat lesen yang ditetapkan oleh Kerajaan. Satu dari syarat dalam lesen itu membenarkan Kerajaan bertindak atau bercampur-tangan untuk menentukan tariff yang akan dikenakan kepada pelanggan-pelanggan sentiasa diluluskan oleh

Kerajaan dahulu sebelum dapat diamalkan.

INTEGRASI NASIONAL

9. Tuan Tsing Yin Shean minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki lagi Integrasi Nasional di antara Negeri Sabah dan Sarawak dan Semenanjung Malaysia dan sama ada kemungkinan untuk menurunkan tambang kapalterbang antara bandar-bandar di Malaysia dan jika tidak, mengapa. Adakah cara yang ini untuk memperbaiki Integrasi Nasional untuk kebaikan rakyat di negara ini.

12-11-1986

2. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan berbagai rancangan yang bertujuan mempercepatkan proses integrasi di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Adakah halangan-halangan ke arah integrasi telah dikenalpasti dan apakah langkah-langkah telah diambil untuk mengatasinya.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Raja Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan ini bersama-sama soalan Ahli Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye pada 12hb November, 1986. Kerajaan telah dan akan terus melaksanakan berbagai rancangan untuk mempercepatkan proses integrasi di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Program-program yang telah dilaksanakan ialah:

- (1) membuat liputan Radio dan Televisyen serta mengadakan lebih banyak ruang dalam akhbar-akhbar tempatan untuk mengisi bahan-bahan dari Sabah dan Sarawak serta unsur-unsur integrasi nasional;

- (2) menganjurkan lawatan sambil belajar yang melibatkan pemimpin-pemimpin masyarakat di Sabah, Sarawak dan Semenanjung;
- (3) menganjurkan khemah kerja belia yang melibatkan pelajar-pelajar dari ketiga-tiga daerah;
- (4) menganjurkan program-program pertukaran kebudayaan di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak dan sebaliknya;
- (5) menempatkan pegawai-pegawai dari Sabah dan Sarawak berkhidmat di Semenanjung dan di sebaliknya;
- (6) menyelaraskan harga akhbar-akhbar kebangsaan yang dijual di Sabah dan di Sarawak mulai dari Februari, 1985;
- (7) melaksanakan Stesyen RTM kembar di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak; dan
- (8) memulakan operasi Feri Malaysia untuk memudahkan perjalanan di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak dan sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kerajaan berhasrat untuk mempercepatkan proses integrasi, tetapi kadar tambang kapalterbang MAS ke destinasi-destinasi di Sabah dan Sarawak tidak dapat diturunkan kerana faktor-faktor kos perbelanjaan kakitangan, perkhidmatan dan kenaikan kos barang tertentu. Namun begitu, MAS sentiasa mengadakan skim potongan harga tambang istimewa ke Sabah dan Sarawak secara "package" untuk menggalakkan lebih banyak lawatan dibuat di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.

Di antara halangan-halangan terhadap usaha-usaha integrasi nasional ialah terdapatnya perbezaan

dalam taraf sosio-ekonomi antara kaum di Semenanjung, Sabah dan Sarawak di samping wujudnya perasaan kedaerahan. Justeru itu, bagi membantu mempertingkatkan serta mempercepatkan lagi proses integrasi nasional, dasar-dasar dan program-program pembangunan yang boleh mengurangkan perbezaan dalam taraf sosio-ekonomi antara kaum sedang dilaksanakan. Di samping itu juga, usaha-usaha sedang ditingkatkan untuk memupuk persefahaman antara kaum dengan cara menonjolkan ciri-ciri persamaan serta menegah perkara-perkara sensitif bagi satu kaum dieksploitasikan oleh golongan-golongan tertentu.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Setiausaha Parlimen, sama ada beliau sedar bahawa salah satu faktor yang merintang atau menghalang integrasi nasional di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia ialah mengenai masalah tentang perbezaan pemberian elaun kepada pegawai-pegawai daripada Sabah dan Sarawak yang berkhidmat di sini di Semenanjung Malaysia. Jika Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar tentang hal ini, maka saya ingin tahu apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah yang saya sentuh tadi.

Raja Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Ahli Yang Berhormat itu tolong jelaskan perbezaan yang dimaksudkan itu, di antara yang berkhidmat di sini dengan yang berkhidmat di Sabah.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maksudkan ialah bahawa terdapat masalah perbezaan pemberian elaun yang diberi kepada pegawai-pegawai dari Sabah dan Sarawak yang berkhidmat di Kuala Lumpur oleh kerana nampaknya ada banyak perbezaan di

antara pegawai Semenanjung Malaysia yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak apabila dibandingkan dengan elaun yang diberikan kepada pegawai dari Sabah dan Sarawak yang berkhidmat di sini.

Raja Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Speaker, saya minta maaf, persoalan itu tidak termasuk dalam bidang saya.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu cara untuk mengeratkan lagi integrasi penduduk-penduduk dari negeri Sabah dan Sarawak dengan negeri-negeri Semenanjung Malaysia ialah untuk membolehkan penduduk-penduduk negara ini berjalan di antara sebuah negeri ke sebuah negeri yang lain, pada masa dahulu terdapat kawalan imigresen atau pasport untuk perjalanan penduduk-penduduk dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak, tetapi kami telah difahamkan bahawa sekarang ini tiada lagi kawalan ke Sabah, cuma ke Sarawak masih lagi dikenakan kawalan imigresen ataupun kawalan pasport. Apakah sebabnya kawalan itu masih berlanjutan dan adakah usaha Kerajaan Pusat supaya kawalan itu boleh ditarik semula.

Raja Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, masalah ini adalah masalah yang menjadi hak negeri Sabah dan negeri Sarawak.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menerangkan salah satu program untuk memperbaiki integrasi nasional ialah menempatkan pegawai-pegawai daripada Sabah ke Semenanjung atau sebaliknya. Saya ingin bertanya adakah Kerajaan telah menentukan ataupun menetapkan had tempoh masa perkhidmatan mereka, sama ada

dari Semenanjung ke Sabah atau Sabah ke Semenanjung dan kalau ada berapa lamakah tempoh masa yang telah ditetapkan?

Soalan yang kedua, dan apabila sampai masa tempoh perkhidmatan itu, adakah pegawai-pegawai berkenaan itu secara automatik boleh mereka itu memohon bertukar balik ke tempat yang asalnya?

Raja Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Speaker, setahu saya tidak ada had-had tertentu yang ditetapkan bagi mana-mana pegawai yang berkhidmat itu dan terpulanglah kepada budi bicara dan juga keperluan perkhidmatan seseorang pegawai berkenaan. Dalam pengetahuan kita ada juga pegawai tertentu memohon hendak duduk dan tinggal di satu-satu tempat itu lebih lama lagi, mungkin atas tarikan-tarikan tertentu dan berkenaan soalan yang kedua, perkara ini tidak berbangkit.

GAJI BULANAN PEKERJA ESTET

10. Tuan P. Patto minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa pekerja-pekerja estet telah berjuang untuk gaji bulanan selama beberapa dekad;
- (b) sebab-sebab mengapa Kerajaan enggan membawa undang-undang yang akan menjamin gaji bulanan kepada pekerja-pekerja estet; dan
- (c) sama ada Perdana Menteri atau Kabinet, pada bila-bila masa, merujuk soal gaji bulanan kepada Ketua Hakim untuk mengkaji semula keputusan Mahkamah Perusahaan menolak tuntutan gaji bulanan bagi pekerja-pekerja estet oleh Kesatuan Sekerja Pekerja-pekerja Ladang, jika ya, apakah kuasa yang digunakan untuk

membuat keputusan bilamana hak merayu atas keputusan mahkamah Perusahaan adalah hak tunggal pihak yang mushkil dan bukan Kabinet.

Menteri Buruh (Dato' Lee Kim Sai): Tuan Yang di-Pertua, (a) saya memang sedar bahawa Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang (NUPW) telah menuntut gaji bulanan tetapi hanya semenjak tahun 1983.

Untuk menjawab soalan (b), memandangkan gaji harian merupakan salah satu sistem kaedah pengiraan gaji yang sah, tidak timbul sama sekali mengapa Kerajaan harus bertindak mengharamkan gaji harian khusus bagi sektor perladangan dengan mewajibkan di sisi undang-undang hanya gaji bulanan. Amalan yang dipraktikkan di negara ini ialah pekerja dan majikan bebas menggunakan sistem pengiraan gaji yang didapati sesuai dengan jenis perusahaan ataupun sektor.

Untuk menjawab soalan (c), tuntutan oleh Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang (NUPW) kepada Persatuan Pengeluaran-pengeluaran Pertanian Tanah Melayu (MAPA) telah dibicara dan diputuskan oleh Mahkamah Perusahaan sebagaimana keputusan Mahkamah Perusahaan No. 111/86. Perkara merujuk soal ini kepada Yang Amat Arif Ketua Hakim tidak timbul sama sekali dan tidak pernah sekalipun dibuat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Dr V. David.

(Soalan No. 11 Y.B. Dr V. David tidak hadir)

BAHASA MALAYSIA—SYARAT PENGAMBILAN GURU PELATIH

12. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri pelajaran menyatakan sama

ada Kerajaan berniat melonggarkan syaratnya iaitu Bahasa Malaysia pangkat kepujian menjadi pangkat lulus di dalam pengambilan guru pelatih di Sekolah Tionghua agar dapat menyelesaikan kekurangan guru terlatih di dalam sekolah rendah jenis kebangsaan Tionghua dengan segera. Jika tidak, apakah alasannya.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, syarat kelayakan minima Bahasa Malaysia di dalam pengambilan guru pelatih ke maktab-maktab perguruan bagi semua jenis kursus ialah pangkat kepujian di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan lulus Lisan. Kerajaan tidak bercadang untuk melonggarkan syarat ini kerana ia merupakan kelayakan yang minima untuk membolehkan guru-guru dilantik ke dalam jawatan Pegawai Perkhidmatan Pelajaran Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran sebenarnya tidak menghadapi masalah kekurangan calon yang mempunyai kepujian dalam Bahasa Malaysia untuk memasuki maktab-maktab perguruan bagi mengikuti kursus Pengajian Cina Peringkat Sekolah Rendah dan Peringkat Sekolah Menengah.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana guru-guru pelatih tersebut adalah semata-mata untuk mengajar di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil, oleh kerana itu saya ingin bertanya mengapakah mereka itu disyaratkan lulus kepujian Bahasa Malaysia, dan sekiranya tidak lulus mereka tidak dapat diterima, dan sama ada ini satu langkah yang sesuai apabila Seksyen 21 (2) Akta Pelajaran, 1961 akan dilaksanakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran iaitu Kerajaan tidak

akan menghadapi kekurangan guru-guru untuk mengubahkan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina kepada Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, soalan yang akhir itu terkeluar daripada tajuk soalan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, itu betul. Kalau Tuan Yang di-Pertua kata terkeluar, terkeluarlah.

Jadi, soalan yang pertama, kita tentukan supaya guru-guru yang kita ambil mesti lulus dengan kepujian dalam Bahasa Malaysia kerana kita menganggap Bahasa Malaysia adalah bahasa yang penting, bahasa rasmi negara kita. Jadi, tidak semestinya kalau kita menyuruh guru-guru mengajar bahasa lain dan matapelajaran lain kita tidak mewajibkan mereka lulus dengan kepujian, kerana ini ialah secara menyeluruh dan demi kepentingan negara dan kita mesti tegas dalam soal ini dan kalau kita hendak mengagungkan bahasa kebangsaan iaitu Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Rasmi dan memperjuangkannya itu adalah perjuangan kita bersama, termasuk juga perjuangan Ahli Yang Berhormat.

RUMAH IBADAT KELULUSAN PERUNTUKAN

13. Tuan Peter Paul Dason minta Perdana Menteri menyatakan amaun pemberian yang diberi bagi tujuan membina, memperluas atau menjalankan pembaikan kepada (1) Masjid atau Surau; (2) Tokong Cina; (3) Kuil Hindu; (4) Gereja-gereja Kristian dan (5) Kuil-kuil Buddha di negeri ini dari tahun 1980-1985.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Siti Zahara binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah meluluskan

peruntukan bagi membina, memperluaskan atau memperbaiki rumah-rumah ibadat semua agama di seluruh negara. Jumlah peruntukan yang telah diluluskan dari tahun 1980 hingga 1985 adalah seperti berikut:

	Buah	Jumlah \$
(i) Masjid ..	1,032	93,509,697.92
(ii) Surau ..	1,194	13,020,676.81
(iii) Tokong Cina dan Tokong Buddha	186	2,884,037.00
(iv) Kuil Hindu	235	4,043,220.00
(v) Gereja ..	159	2,940,530.35
JUMLAH ..		142,858,162.08

Pemberian ini adalah di atas permintaan rakyat dan dipertimbangkan mengikut kemampuan masyarakat di kawasan tersebut. Bagi projek-projek Masjid dan Surau kebanyakannya dibina daripada kutipan derma orang ramai/tempatan dan Kerajaan hanya menyumbangkan sebahagian daripada kos projek sebenar.

Puan Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapakah terdapat begitu besar jurang pemberian untuk pembinaan, memperluaskan atau menjalankan pembaikan ke atas tempat-tempat ibadat ini?

Dr Siti Zahara binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, banyak faktor yang menentukan keadaan ini: soal permintaan, soal peruntukan dan soal pembahagian atau agihan, memandangkan kedudukan orang-orang Islam kebanyakannya di kawasan luar bandar dan memandangkan bahawa mereka inilah yang berkehendakkan perbelanjaan yang lebih, oleh kerana kekurangan kemudahan asas, termasuk tempat-tempat beribadah, maka oleh kerana itu pemberian itu sebegitu rupa. Lagi

pun untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat. Kerajaan akan terus memberi perhatian kepada semua agama, sebab itu adalah dasar kita. Lagi pun, jika dibezakan keadaan sebelum merdeka dan sejak merdeka hingga ke hari ini pembinaan masjid, surau, kuil, gereja dan tokong dan tempat amal yang lain telah menunjukkan satu perkembangan yang pesat sekali pada keseluruhannya.

DASAR EKONOMI BARU— KAJIAN

14. Tuan Hu Sepang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengkaji semula sasaran-sasaran yang ditetapkan dalam Dasar Ekonomi Baru disebabkan negara kini menghadapi kemelesetan ekonomi.

Dr Siti Zahara binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula sasaran atau matlamat yang telah ditetapkan di bawah Dasar Ekonomi Baru. Apa yang perlu dilakukan oleh Kerajaan dalam menghadapi keadaan kemelesetan ekonomi ialah untuk menyemak semula pelaksanaan berbagai program di bawah Dasar Ekonomi Baru itu. Kerajaan sedar bahawa dalam keadaan kemelesetan ekonomi yang sedang kita hadapi, kita mesti sanggup membuat pengorbanan untuk membuktikan bahawa falsafah pembangunan kita adalah dinamik dan flexible, dengan izin, dan bukannya rigid, dengan izin, yang boleh merugikan negara. Dalam konteks inilah beberapa pengubahsuaian dalam cara pelaksanaan DEB perlu dibuat. Tahap, corak dan kadar pelaksanaan strategi penyusunan semula, khususnya dari segi penyertaan ekuiti, seperti yang biasa kita laksanakan, terpaksa diperlahankan atau jika perlu

ditangguhkan buat sementara waktu untuk memberi keutamaan kepada perkembangan ekonomi dan peningkatan peluang-peluang pekerjaan. Dalam hubungan ini, Ahli Yang Berhormat tentu sedia maklum bahawa Kerajaan telah mengumumkan baru-baru ini syarat-syarat baru mengenai penyertaan ekuiti untuk pelabur-pelabur asing melabur di negara kita.

Dr Nicholas Munong Iba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kadar kemiskinan atau pencapaian orang bumiputera sejak DEB dimulakan adalah diterang dan dibuktikan dengan jelas mengikut statistik ataupun perangkaan yang kita ada. Oleh yang demikian, di dalam konteks Sabah atau Sarawak, adakah Menteri di Pejabat Perdana Menteri bercadang untuk mengkaji kadar kemiskinan atau pencapaian bumiputera mengikut suku kaum bumiputera yang ada supaya kita boleh mengetahui kadar kemiskinan atau pencapaian sebenar di kalangan orang bumiputera di mana terdapat berbilang kaum di Sarawak atau Sabah. Oleh kerana jika kita tidak ada statistik atau perangkaan yang sebetulnya, yang begitu tepat mungkin sebahagian kecil sahaja ataupun suku kaum bumiputera sahaja yang mendapat keuntungan dari pelaksanaan DEB.

Dr Siti Zahara binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terkeluar daripada soalan asas.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Kerajaan telah pun menjalankan kajian sebab-sebab timbulnya rasa tidak puas hati masyarakat terhadap Dasar Ekonomi Baru. Jika sudah, apakah alasan-alasan, sebab-sebab timbulnya rasa tidak puas hati di kalangan sebahagian masyarakat tentang DEB ini.

Dr Siti Zahara binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan belum lagi menjalankan kajian seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat.

**DATUK HARIS MOHD.
SALLEH—PENYIASATAN POLIS**

15. Tuan Gerard Math Lee Min minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah Datuk Harris Mohd. Salleh tidak didakwa di Mahkamah oleh kerana mengambil bahagian dalam perarakan haram dan demonstrasi semasa rusuhan pada bulan Mac, tahun 1986 di Sabah.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Datuk Harris Mohd. Salleh, ramai lagi yang telah mengambil bahagian dalam perarakan dan tunjuk perasaan di Sabah pada bulan Mac yang lalu. Pihak Polis telah diarahkan untuk membuat penyiasatan lanjut, terutama sekali soal kekejaman mereka yang terlibat dalam perarakan tersebut. Satu keputusan akan dibuat sebaik sahaja penyiasatan Polis selesai, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Gerard Math Lee Min: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapakah perlunya siasatan lanjutan bilamana mereka yang bersama beliau telah pun didakwa dan memandangkan beliau sendiri telah ditunjukkan dalam siaran televisyen mengetuai perarakan haram itu.

Dato' Oo Gin Sun: Seperti saya kata tadi kes berkenaan Datuk Harris Mohd. Salleh, siasatan belum selesai lagi, jadi tindakan tidak boleh diambil.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, bersangkutan dengan perkara ini bolehkah Timbalan Menteri berkenaan memberitahu dalam penyiasatan polis ini, adakah pegawai polis ambil satu kenyataan

daripada Datuk Harris Salleh. Kalau tidak, apa sebab-sebabnya.

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, ada diambil satu kenyataan.

**PEMBERI MAKLUMAT—
GANJARAN POLIS**

16. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyarankan:

- (i) sama ada “pemberian maklumat” pihak polis diberi ganjaran;
- (ii) jika ia, apakah garis panduan digunakan untuk pembayaran; dan
- (iii) sejak tahun 1980, berapakah jumlah yang telah dikeluarkan untuk pembayaran kepada “pemberi maklumat” tersebut.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, pihak Polis memang ada memberi ganjaran kepada pemberi maklumat. Kadar ganjaran yang diberi kepada pemberi maklumat bergantung kepada berbagai faktor termasuk jenis dan setakat mana maklumat itu berguna kepada polis, senang dan susahnyanya dari segi tenaga dan usaha bagi pemberi maklumat mendapat maklumat yang berkenaan dan risiko yang akan ditanggung oleh pemberi maklumat.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu apakah faktor-faktor yang dikatakan tadi, dalam jawapan itu, yang disebutkan sebagai berbagai dan berjenis.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, faktor-faktor yang diambil kira semasa pihak Polis menentukan bayaran ganjaran ini ialah:

- (i) risiko yang dihadapi oleh pemberi maklumat, risiko dari segi fizikal dan sebagainya;

- (ii) perbelanjaan yang telah dibuat oleh pemberi maklumat seperti tambang, makan dan tempat tinggal. Perbelanjaan yang terpaksa dibuat oleh pemberi maklumat seperti meraikan orang lain untuk mendapatkan maklumat. Jika maklumat yang diberikan itu memerlukan tindakan atau siasatan lanjut, perbelanjaan dan daya usaha untuk mendapatkan maklumat tambahan dan yang akhir lain-lain perbelanjaan yang dibuat oleh pemberi maklumat.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu setakat ini berapa jumlah pemberi maklumat disimpan oleh pihak Polis Diraja Malaysia dan apakah kelayakan untuk seseorang menjadi pemberi maklumat.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, soalan kedua, pihak Polis akan membuat penyelidikan terlebih dahulu bagi memastikan sama ada seseorang itu boleh menjadi pemberi maklumat atau tidak. Jadi kita akan mengkaji dengan terperinci tiap-tiap orang yang ingin menjadi pemberi maklumat dan kalau sekiranya ada pihak-pihak yang ingin secara sukarela untuk menjadi pemberi maklumat, kita akan terima, tetapi bukan terima dengan bulat-bulat, kita akan kaji juga latarbelakangnya.

Tentang berapa yang telah kita kumpulkan, fasal soalan ini tentang tahun 1980 sampai 1986, oleh sebab Wakil dari Sepang tak sebut kepada saya tahun berapa, jadi susah saya hendak beri jawapan.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Bukan Sepang—Rasah!

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Rasah.

Tuan Hu Sepang: Ya (*Ketawa*). Mengapa setiap kali buat kesilapan? (*Ketawa*).

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, kali pertama ini sahaja saya tersilap (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat itu dari Rasah, tetapi nama dia "Hu Sepang" (*Ketawa*).

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu sama ada Kerajaan ada memberi pembayaran kepada pemberi maklumat untuk dapat maklumat daripada parti Pembangkang?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Dalam Negeri akan mempelawa siapa sahaja rakyat di negara ini yang mahu bekerjasama dengan Kerajaan, termasuklah juga parti Pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, kita berbalik kepada soalan-soalan yang terawal yang belum mendapat jawapan daripada pihak Kerajaan.

Berbalik kepada soalan No. 2 Yang Berhormat Tuan Zubir bin Embong.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 2.

PENEROKA FELDA— PENDAPATAN PURATA

2. **Tuan Shahidan bin Kassim** (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan purata pendapatan peneroka-peneroka

Rancangan FELDA dan apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan pendapatan mereka berikutan dengan kejatuhan harga Minyak Kelapa Sawit.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, pendapatan bersih purata bulanan peneroka FELDA bagi tahun 1985 dan 6 bulan pertama tahun 1986 adalah seperti berikut:

<i>Tanaman</i>	<i>Tahun</i>	<i>Pendapatan</i> \$
Kelapa Sawit	1985	889.00 sebulan
	1986	234.00 sebulan
Getah	1985	421.00 sebulan
	1986	382.31 sebulan
Tebu	1985	464.00 sebulan
	1986	498.00 sebulan

Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan pendapatan peneroka berikutan dengan kejatuhan harga minyak sawit ialah seperti berikut:

- (i) mengurangkan kos input di kawasan-kawasan pertanian peneroka tetapi tidak mengurangkan hasil pengeluaran ladang seperti mengadakan baja gantian yang lebih murah tanpa menjejaskan kehendak pemakanan tumbuhan;
- (ii) mengadakan projek-projek integrasi dengan tanaman utama seperti ternakan biri-biri dan lembu;
- (iii) mengadakan projek sampingan seperti ternakan ikan air tawar, itek dan tanaman kontan; dan
- (iv) mengadakan strategi pemasaran yang lebih agresif.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, terdapat ketidakseimbangan pendapatan peneroka dalam kawasan yang sama kerana dalam ladang yang dibahagikan kepada peneroka-peneroka, terdapat bilangan pokok-pokok yang tak sama. Misalnya, dalam 10 ekar tanah yang diberi kepada seorang peneroka, ada peneroka mendapat 600 batang pokok getah sahaja atau pokok kelapa sawit, ada yang 1,200, ada yang 1,500. Saya ingin bertanya Yang Berhormat, adakah Kementerian beliau sedar tentang perkara ini? Kalau ya, apakah langkah-langkah pembetulan atau persamaan yang harus dibuat kerana keadaan ini menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan peneroka-peneroka sendiri.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tidak sedar kerana tidak ada laporan yang didapati mengenai perbezaan yang begitu banyak di antara 600 hingga 1,200 batang daripada satu ekar. Itulah sebabnya belum ada apa-apa lagi tindakan yang diambil atas perkara ini.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Pembetulan sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Daripada 10 ekar tanah yang diberi kepada tiap-tiap peneroka.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Perbezaan 600 batang di keseluruhan 10 ekar?

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Ya, dalam kawasan 10 ekar itu terdapat peneroka yang mempunyai 600 batang sahaja, ada peneroka lain dapat 1,200 batang, ada peneroka lain pula dapat 1,500 batang.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Hai, banyak sangat "batang" (*Ketawa*).

Tuan Mohd. Noh bin Rajab:tak sama di antara peneroka dengan peneroka.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan tadi perkara ini tidak ada laporan kepada pihak Kementerian, oleh itu kita tidak tahu dan saya pun hairan juga kenapa dibiarkan oleh peneroka perbezaan yang begitu banyak sekali apabila mereka mula-mula menerima rancangan tersebut. Saya berjanji, saya akan mengambil tindakan untuk menyasat mengenai perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dengan jawapan mengenai "batang-batang" (*Ketawa*) masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut tamat.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3 dan 11 adalah diberi di bawah ini).

MURID-MURID SEKOLAH— UNSUR CINTAKAN NEGARA

3. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa terdapat lagi di sekolah-sekolah rendah murid-murid masih lagi tidak menghormati, menghayati dan menunjukkan perasaan cinta dan kasih sayang terhadap negara, melalui menghormati bendera Negara, Lagu Kebangsaan, Pemimpin negara, dan sebagainya. Apakah rancangan Kementerian setakat ini bagi memastikan bahawa semangat sedemikian dapat dipupuk di hati dan di sanubari anak-anak kita dalam usia mereka yang masih muda.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Kementerian ini tidak ada menerima

aduan daripada mana-mana pihak mengenai adanya murid-murid sekolah rendah yang tidak menghormati, menghayati dan menunjukkan perasaan cinta dan kasih sayang terhadap negara, Lagu Kebangsaan, Pemimpin negara dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, Kementerian ini sentiasa memberi perhatian supaya gejala buruk itu tidak berlaku di kalangan murid-murid sekolah dengan menerapkan unsur-unsur cintakan negara, semangat menghormati pemimpin-pemimpin negara dan lain-lain unsur seumpamanya ke dalam kurikulum dan juga kegiatan ko-kurikulum sekolah rendah. Selain daripada itu peraturan-peraturan juga diadakan seperti peraturan mengadakan Perhimpunan Sekolah di mana murid-murid dikehendaki menyanyikan lagu Negara Ku, lagu-lagu patriotik serta menjalankan upacara menaikkan bendera Malaysia.

KAD PENGENALAN— PENDATANG HARAM

11. Dr V. David minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan penduduk haram dari Indonesia yang mempunyai kad pengenalan biru dan merah dalam tempoh Januari 1982 hingga Jun 1986.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Mengikut Peruntukan 5(2), Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara, 1959 Kad Pengenalan Biru hanya boleh dikeluarkan kepada warganegara Malaysia, manakala kad pengenalan merah dikeluarkan kepada penduduk tetap negara ini. Mana-mana pendatang haram dari mana-mana negara sekalipun tidak dikeluarkan kad pengenalan. Sebaliknya, mereka akan dikesan, ditangkap dan diusir keluar kerana mereka adalah pendatang haram.

RANG UNDANG-UNDANG

4.07 ptg.

RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN 1987

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1987

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$6,672,535,390 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1987, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1987 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 41 tahun 1986, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut." (30hb Oktober, 1986).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Jemput Yang Berhormat dari Serian menyambung ucapan.

Tuan Lainus Anak Andrew Luwak (Serian): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua di mana mengizinkan saya menyambung ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, bila disebut sahaja "Proton Saga", semua rakyat di Malaysia akan menabik dada mengatakan itu kereta buatan kita. Maka sudah tentu naluri untuk merasa buatan tempatan itu lebih kerana mungkin harganya di dalam lingkungan jangkaan semua lapisan masyarakat, tetapi malangnya ramalan itu nampaknya tidak benar. Baru-baru ini Proton Saga di Sarawak sudah naik harga seperti juga kereta import yang lain berdasarkan naiknya nilai Yen. Apakah kos pengilangan Proton Saga di Malaysia ini dibayar dengan Yen atau Ringgit Malaysia? Harga yang ada pada hari ini di Sarawak bagi kedua-dua jenis kereta itu harganya di luar kemampuan peruntukan pinjaman kereta bagi kakitangan awam dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri. Oleh yang demikian, kalaulah hendak menggalakkan pasaran tempatan, biarlah di dalam kemampuan rakyat kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, memandang peruntukan yang dijangka 2/3 dari jumlah ketekanan kepada pembangunan luar bandar, maka sudah tentu besar dari jumlah itu akan diuntukkan kepada program jalan luar bandar bagi tujuan untuk menyediakan kemudahan sosio ekonomi dan menyokong rancangan pembangunan menyeluruh kepada masyarakat desa. Langkah Kerajaan Pusat mengambil alih jalan utama di Sarawak sangatlah dialu-alukan supaya dapat menaik serta membaiki jalan-jalan utama yang menghubungi semua bandar-bandar utama di seluruh Sarawak.

Keadaan jalanraya yang ada pada hari ini di Sarawak sungguh

menyedihkan kalau dibandingkan dengan di sebelah Semenanjung. Ini disebabkan oleh tidak ada keseragaman di antara JKR Negeri dan JKR Pusat, dengan yang demikian keadaan pentadbiran sudah tentu tidak seragam dan yang sangat dikesalkan, iaitu terlalu banyak tenaga manusia yang dibazirkan sedangkan kerja itu kurang, dengan kata lain, tidak begitu productive. Dengan ini kita syorkan supaya segala peruntukan bagi sektor ini harus dilaksanakan dengan betul supaya benar-benar dapat memberi kesan dan hasil yang kita sama-sama harapkan.

Kawasan saya memang tidak dapat dinafikan telah diliputi oleh rangkaian jalan tanah kuning, tetapi masih banyak lagi kawasan yang jauh di pedalaman perlu dibina jalan seperti kawasan Pengkalan Amu, Mepuh dan Daha di mana kawasan ini hanya dapat dihubungi dengan perjalanan kaki antara empat hingga enam jam perjalanan.

Saya juga meminta perhatian khusus supaya dipertingkatkan jalanraya yang menghubungkan Serian/Tebedu dan Tebekang/Mongkos supaya diturap dan diperbesarkan, memandangkan jalanraya-jalanraya ini adalah satu-satunya jalanraya yang telah dibina sebelum merdeka yang mana menjadi nadi kepada kegiatan sosio ekonomi di ketiga-tiga kawasan Tebekang, Mongkos dan Tebedu.

Pekan kecil Tebedu kini pesat membangun dari segi pertambahan penduduk. Memandangkan ianya menjadi pusat persinggahan dan keluar masuk di antara Sarawak dan Kalimantan Barat, Indonesia. Dengan yang demikian, perhatian khusus harus diambil supaya pada awal-awal lagi dapat dikawal kemasukan secara haram orang-orang asing, mengawal keselamatan sempadan dan mengurangkan masalah sosial yang

mungkin timbul dari keadaan kemasukan orang asing yang begitu bebas.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

Situasi yang mengeciwakan sekali ialah di sebelah sempadan Malaysia, kita tidak mempunyai pos kastam, imigresen dan keselamatan sempadan, manakala kira-kira 100 meter di sebelah Indonesia mempunyai kelengkapan yang rapi. Ada pun pos kita kurang lebih tiga batu jauhnya dari sempadan iaitu Pejabat Pentadbiran Daerah Kecil Tebedu yang mengendalikan urusan kastam, imigresen dan polis. Ini sudah tentu membimbangkan masyarakat tempatan dan kita terdedah dari ancaman keselamatan dan juga mungkin syurga kepada pengedar dadah.

Di sini kita syorkan supaya dipercepatkan lagi pembinaan Kompleks Kastam dan Imigresen di Pekan Kecil Tebedu, Sarawak itu bagi kepentingan keselamatan negara. Pekan kecil ini sebilangan besar penduduknya terdiri dari masyarakat Bidayuh, Melayu dan Cina. Di musim kemarau masyarakat di sini sering diserang oleh wabak taun lantaran bekalan air tidak bersih dan mencukupi. Oleh yang demikian, saya minta Kerajaan mengambil perhatian juga ke atas masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedia maklum bahawa JKR Sarawak adalah di bawah jagaan Kerajaan Negeri. Namun pun demikian, peruntukan bagi keseluruhannya adalah juga dari Kerajaan Pusat. Maka dengan yang demikian sudah wajar segala kegiatan di peringkat negeri itu disediakan oleh pihak Kementerian pusat supaya pembaziran tidak berlaku.

Di tempat saya terdapat dua batang jalan kampung terbengkalai iaitu Jalan

Terbat Mepuh dan Jalanraya Mengukupi, dua buah mini stadium iaitu Mini Stadium Pekan Serian dan Mini stadium Kampung Taai juga terbenkakai, kononnya tidak cukup peruntukan. Kalaulah begini keadaan membuat projek tanpa perancangan yang terperinci, maka sudah tentu merugikan rakyat dan membazirkan wang negara sahaja.

Sebuah lagi jalanraya yang kontroversial yang didapati di hadapan Pejabat Daerah Serian yang menelan belanja kurang lebih \$1.5 juta yang kononnya menghubungi bulatan kecil yang telah mempunyai lima persimpangan merbahaya kepada Jalanraya Serian, Tebekang/Tebedu yang kononnya mengurangkan traffic jam, dengan izin, sekiranya dinaikkan taraf jalan itu ke taraf jalan antarabangsa. Bilakah jalan ini bertaraf demikian, sedangkan keadaan sekarang masih sakit? Jalan ini terlalu mahal, sedang tidak seorang manusia pun yang tinggal di kawasan paya yang sentiasa dinaiki banjir sedalam 20 kaki itu.

Saya difahamkan bahawa jalanraya itu hanya memberi keselesaan kepada tuan-tuan tanah yang kebetulannya kerabat orang kenamaan tempatan dan Menteri Negeri. Bukankah elok \$1.5 juta itu digunakan untuk menaikkan taraf jalan yang teruk itu dahulu baru difikirkan jalan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, bencana banjir sudah sememangnya sering dihadapi oleh kampung-kampung yang terletak di sepanjang Sungai Sadung iaitu Kampung Sebemban, Tanah Puteh, Kampung Serian Melayu, Pengkalan Sorak dan Tebekang. Banjir ini bukan hanya melanda tempat kediaman, malahan seluruh sistem ekonomi masyarakat setempat—sawah, kebun dan ternakan sudah tentu juga turut menjadi mangsa. Di sini saya

memohon supaya Sarawak, khususnya kawasan saya Serian disenaraikan di dalam senarai negeri-negeri yang sering dilanda banjir seperti Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak di Semenanjung.

Saya memang menyokong serta tertarik ke atas program penempatan semula mangsa-mangsa banjir yang telah dirancangan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar Malaysia. Memandangkan kebaikan program ini, maka saya memohon di bawah Rancangan Malaysia Kelima skop program ini diperluaskan untuk disesuaikan dengan strategi pembangunan kampung dan luar bandar ke kawasan-kawasan yang sering dilanda banjir di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang sedari segala apa juga strategi yang dirancangan oleh Kerajaan adalah untuk kemakmuran negara, walaupun apa juga ala cara dan pemodenan masyarakat itu, maka tidak dapat tidak pelajaran sebagai inti pati untuk mencapai matlamat kemerdekaan sebenarnya.

Kalaulah masyarakat tidak mempunyai asas pelajaran yang minima, maka sudah tentu daya pemikiran mereka akan lembab dan berkemungkinan strategi hanya tinggal sebagai impian sahaja. Dengan yang demikian, selain dari penekanan pembangunan fizikal, maka seharusnya tidak kurang juga kita tekankan pembangunan mental masyarakat luar bandar terutama di Sarawak.

Di dalam konteks ini kekurangan guru-guru sekolah rendah berjumlah 2,899, guru siswazah 368 dan guru maktab 226 orang sungguh membimbangkan, sedangkan pertumbuhan penduduknya dan kemahuan secara mental dan fizikal itu tidak dapat menunggu bilakah

cukupnya khazanah fikiran itu akan tiba kepada mereka. Kalau kita menoleh kembali kepada sejarah Sarawak, maka kita tidak dapat nafikan.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah berucap lebih kurang 50 minit. Bolehkah ringkaskan?

Tuan Lainus anak Andrew Luwak: Tidak banyak lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ringkaskan.

Tuan Lainus anak Andrew Luwak:yang pada hari ini dididik dalam aliran Bahasa Malaysia. Dengan yang demikian, saya memohon kepada Kementerian Pelajaran supaya melonggarkan syarat guru lama yang mengesahkan perkhidmatan mereka harus banyak dinilai dari segi perkhidmatan dan bukan hanya mengharapkan kredit, tetapi sekurang-kurangnya lulus sahaja dalam matapelajaran Bahasa Malaysia itu diiktiraf.

Begitu juga saya sarankan bahawa guru-guru dari perkhidmatan sekolah "mission" yang mengajar sebagai guru sandaran patut diserapkan kepada perkhidmatan tetap, memandangkan pengalaman dan juga waktu mereka itu mengajar begitu lama dan tidak begitu lama lagi menghadapi tempoh persaraan.

Pengambilan guru-guru terlatih di Sarawak khususnya disukat dari kelayakan minima dan keperluan Kredit Bahasa Malaysia itu harus dilonggarkan sedikit, iaitu hanya Kelulusan sahaja diwajibkan. Di dalam perkhidmatan nanti mereka diberi Kursus Intensif Bahasa Malaysia dan seterusnya menghadapi

ujian kefasihan dalam perkhidmatan dari semasa ke semasa. Langkah ini sekurang-kurangnya dapat mengurangkan jumlah pengangguran dan dapat menampung kekurangan guru yang begitu mendadak di Sarawak.

Kurangnya bahan bacaan perpustakaan dalam Bahasa Malaysia juga dihadapi di sekolah luar bandar dan di samping itu terlalu kerapnya penukaran terminologi dan ejaan yang menjadi kesukaran bagi guru-guru dan murid-murid yang bukan Melayu untuk mengikuti perkembangan bahasa dari semasa ke semasa. Sepatutnya Dewan Bahasa dan Pustaka bersama Kementerian Pelajaran mempunyai jangka atau tempoh beberapa waktu istilah dan ejaan itu harus dikaji semula dan diubahsuai supaya dapat mengelakkan kekeliruan dan kerapnya penukaran buku teks di perpustakaan sekolah-sekolah dan di institusi-institusi pengajian tinggi kita. Dengan adanya etika kestabilan tata bahasa itu, maka barulah ada jangka waktu bagi penerimaan sesuatu bahasa itu, terutama bagi mereka yang bukan berketurunan Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya memberi terima kasih di atas ucapan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia. Semoga segala daya usaha dan niat suci kita dalam membina masyarakat yang benar-benar merdeka itu akan mendapat restu dari Tuhan Yang Maha Esa. Saya bagi pihak rakyat di Serian sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan dalam apa jua dasar Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Limbawang.

4.23 *ptg.*

Datu Abdul Hamid bin Tun Datu Haji Mustapha (Limawang): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan, 1987 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 24hb Oktober yang baru lalu.

Syabas saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana keberanian Yang Berhormat Menteri membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan negara di zaman dunia sedang menghadapi kemelesetan ekonomi yang semakin membimbangkan kita. Tuan Yang di-Pertua, syabas juga saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana dapat melahirkan satu Belanjawan yang sungguh terperinci dan seimbang dengan kehendak-kehendak pembangunan semasa menghadapi kelembapan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan pokok yang harus kita tumpukan bersama adalah semata-mata menghadapi masalah kemelesetan ekonomi dan mencari jalan untuk mengatasinya. Belanjawan tahun 1987 yang sedang di dalam perbahasan sangatlah berat dipikul oleh rakyat Malaysia. Tetapi masalah kelembapan ekonomi negara mestilah diatasi jika boleh sekarang juga. Jikalau tidak, mahupun jikalau kita lalai, ianya akan menjadi beban penderitaan kepada anak-anak dan cucu-cicit kita di masa akan datang.

Namun demikian, apa juga tindakan Kerajaan untuk mengatasi masalah kelembapan pertumbuhan ekonomi negara, Kerajaan harus membuat langkah-langkah yang adil dan saksama agar dapat diterima oleh

semua lapisan masyarakat di negara kita. Kesan-kesan dari kemelesetan ekonomi di seluruh dunia telah pun dirasakan oleh semua rakyat di negara ini dan rakyat telah pun faham serta menyedari hakikat yang sebenarnya. Justeru itu, rakyat sudah pun mula berjimat-cermat untuk menentang arus dan gelombang ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun demikian ada terdapat segelintir masyarakat di negara ini khususnya seperti pihak parti Pembangkang yang asyik mengambil kesempatan dari kesan kemelesetan ekonomi negara dan digunakan sebagai isu politik untuk kepentingan dan kedudukan parti mereka, khasnya di masa-masa pilihanraya. Walaupun mereka mempunyai tanggungjawab kepada rakyat untuk mencari jalan memperbaiki keadaan yang lembab ini, namun kewajipan ini mereka abaikan, malahan sehingga hari ini mereka hanya senang mengkritik Kerajaan sahaja seperti "ayam berkokok berderai-derai, ekor bergelumang tahi", tanpa memberi cadangan-cadangan yang bernas untuk mengatasi masalah yang sama-sama kita hadapi.

Tuan Yang di-Pertua, strategi-strategi yang digunakan di dalam Belanjawan tahun 1987 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini memang tepat dan kena pada masanya untuk faedah rakyat Malaysia. Untuk tujuan membela nasib rakyat, Kerajaan menyediakan peruntukan-peruntukan yang tertentu untuk meninggikan taraf hidup khasnya rakyat di luar bandar. Dengan ertikata yang lain, matlamat Belanjawan 1987 adalah untuk membantu rakyat ke arah kehidupan yang lebih selesa dan bertanggungjawab terhadap negara sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu Kerajaan menitikberatkan pembiayaan projek-projek keperluan

asas seperti pertanian, kesihatan, pendidikan, perumahan dan sebagainya. Untuk memastikan keperluan asas dapat dilaksanakan, Kerajaan memberanikan diri untuk bertindak membekukan kenaikan gaji pekerja-pekerja di sektor awam untuk selama 3 tahun sekurang-kurangnya dan mengurangkan kakitangan Kerajaan atau terus memberhentikan mereka. Cara-cara seperti ini boleh dilaksanakan sebagai faktor berjimat-cermat.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan bahawa tindak-tanduk Kerajaan seperti ini mungkin akan mendapat tentangan dan juga mungkin dihalang oleh rakyat khususnya yang berpendapatan rendah yang tinggal di kawasan-kawasan bandar yang sedang menghadapi, dengan izin, cost of living yang tinggi jika dibandingkan dengan cara hidup yang terdapat di kampung-kampung. Kita faham bahawa tindakan Kerajaan sedemikian semata-mata untuk melatih rakyat yang berpendapatan rendah dan yang tinggal di kawasan bandar agar pandai dan boleh menyesuaikan diri dengan keadaan di sekitar mereka dan terus berusaha untuk berdikari, menjalankan kerja-kerja yang halal untuk menampung hidup keluarga masing-masing. Oleh sebab besar bilangan pekerja-pekerja di sektor awam yang mempunyai pendapatan yang sangat-sangat terhad sehingga soal-soal perbelanjaan seharian untuk hidup menjadi beban yang berat, Kerajaan harus mengambil kira atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pemotongan gaji, pembekuan kenaikan gaji, mengurangkan pekerja-pekerja ataupun memecat pekerja-pekerja, memang menjimatkan perbelanjaan negara tetapi ianya akan menimbulkan masalah-masalah seperti berikut:

- (1) jikalau gaji dipotong dan tidak dinaikkan untuk beberapa

waktu, kesannya akan menjejaskan, dengan izin, purchasing power;

- (2) pengurangan dan pemecatan pekerja-pekerja akan menambah lagi bilangan penganggur di negara kita.

Jikalau sekiranya inilah yang akan terjadi, Belanjawan tahun 1987 mungkin tidak akan berkesan. Di samping itu keinginan Kerajaan bahawa setiap pelaksanaan pentadbiran untuk memenuhi hasrat cogan kata "Bersih, Cekap dan Amanah" mungkin tidak akan tercapai. Dengan ertikata yang lain, ianya akan merugikan Kerajaan dan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab yang demikian, inginlah saya membuat pandangan. Sebelum Kerajaan memberhentikan kakitangan awam, terlebih dahulu ianya dikaji dengan teliti secara mendalam. Jika perlu, pekerja-pekerja yang terlibat di dalam pemberhentian itu diberikan latihan-latihan yang secukup-cukupnya sama ada di bidang kemahiran ataupun di bidang perniagaan mahupun apa juga yang sesuai. Mungkin cara ini Kerajaan dapat menolong mereka yang tidak bernasib baik meneruskan kehidupan sederhana yang lebih sempurna apabila diberhentikan. Untuk keadilan, Kerajaan juga boleh memberikan saguhati ataupun pampasan kepada yang berkenaan untuk hidup, sementara waktu menunggu mendapat pekerjaan yang baru. Jikalau sekiranya Kerajaan terus tidak mengambil inisiatif atas masalah ini, besar kemungkinannya bilangan penganggur bertambah, risiko anti Kerajaan mungkin akan timbul. Malahan malpractices, dengan izin, seperti birokrasi, red tape, dengan izin, dan rasuah mungkin akan turut bertambah dan akan juga menambah

kesulitan Kerajaan untuk melaksanakan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, semasa membentangkan Belanjawan Negara baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri Kewangan mencadangkan peruntukan sebanyak \$27,412 juta; \$20,020,739 juta daripadanya iaitu kira-kira 76% diperuntukkan untuk Perbelanjaan Pengurusan. Dan \$6,673 juta ataupun kira-kira 24% untuk Perbelanjaan Pembangunan. Daripada matlamat yang terdapat di dalam Belanjawan Tahun 1987 kita nampak bahawa Kerajaan mempunyai dua matlamat yang penting. Pertama, menggalakkan pertumbuhan eksport serta mengurangkan import, gunanya untuk memperbaikiimbangan pembayaran kepada keluaran negara. Kedua, Kerajaan akan memperbaiki suasana pelaburan untuk membangun dan menggalakkan pelaburan-pelaburan asing datang ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan matlamat untuk mempertingkatkan pelaburan modal swasta dan menjadikan sektor awam suatu jentera pertumbuhan bagi menambah pendapatan negara, Kerajaan telah menawarkan beberapa galakan tambahan yang menarik dan akan dapat sanjungan di kalangan swasta di negeri ini. Di samping itu, Kerajaan juga menambah cukai dari beberapa barangan yang perlu bagi memperkukuhkan pentadbiran negara ini. Sememangnya patut diberi pujian dan sokongan. Umpamanya cukai ke atas jualan rokok dinaikkan 5% lagi menjadikan 15% masih boleh dilaksanakan. Ini kerana Kerajaan tidak menggalakkan rakyat yang mempunyai pendapatan rendah merokok ataupun yang sudah merokok berhenti merokok, kerana dengan cara ini banyak rakyat di kampung-kampung mungkin berhenti merokok, sedangkan susu anak hanya \$1.00 lebih setin, tetapi rokok

sebungkus \$2.00 lebih, kaum bapa mengorbankan susu anak-anak mereka untuk rokok. Maka dengan itu sangat menyedihkan kepada kita bahawa kelihatan banyak rakyat di luar-luar bandar masih belum menerima hakikat yang sebenarnya. Bahawa pada saat ini jimat-cermatlah bagi setiap lapisan masyarakat harus ditumpukan dan dipertingkatkan Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, di sebalik menaikkan cukai rokok ini, adakah juga Kerajaan telah bersedia untuk menyekat import daun-daun tembakau kering dari negara asing dan harus diberikan perhatian lebih banyak lagi menggunakan tembakau-tembakau yang ditanam oleh kaum tani di negeri kita.

Berhubungan dengan ini Kerajaan sepatutnya mengutamakan tanaman tembakau tempatan untuk dijual kepada industri-industri di negara Malaysia. Seterusnya Lembaga Tembakau Negara ataupun dengan nama pendeknya LTN hendaklah juga membuka kuota-kuota yang luas bagi menggalak penanaman tembakau yang menyeluruh hingga ke negeri Sabah dan Sarawak.

Bagi memastikan penghidupan rakyat yang selesa dan keluarga yang rukun, cukai ke atas jualan minuman keras yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah dinaikkan sebanyak 15% memang juga patut. Kita berdoa agar kenaikan ini dapat mengurangkan penglibatan rakyat yang meminum minuman keras. Dan mudah-mudahan berkurangan meminum minuman keras agar berkurangan juga keretakan rumahtangga dan dapat menumpukan sepenuhnya masa bagi melaksanakan dasar Kerajaan menghendaki 70 juta penduduk di negara ini selepas tahun 2,000.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha Kerajaan menambahkan cukai-cukai

di negara ini, Kerajaan juga harus menaikkan cukai-cukai perjudian di kasino dan lain perjudian yang wujud di negara ini seperti Sport Toto, Empat Nombor Ekor, Lumba Kuda dan lain-lainnya.

Dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini juga menyentuh tentang infrastruktur bagi pembangunan di kawasan luar bandar dengan meneruskan pembinaan jalan-jalanraya, bekalan air dan elektrik, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$785 juta bagi projek ini manakala sebanyak \$315 juta disediakan bagi bekalan air di luar bandar, \$195 juta untuk bekalan elektrik dan sebanyak \$275 juta bagi memperbaiki jalan-jalan kecil di luar bandar. Peruntukan ini kalau hendak dikira masih kecil lagi, tetapi diharap Kerajaan juga tidak menghampakan penduduk-penduduk di luar bandar dan pendalaman khususnya yang terdapat di negeri Sabah dan Sarawak yang masih jauh ketinggalan di bidang pembangunan.

Sektor pertanian pula diperuntukkan sebanyak \$1,623 juta. Ini adalah satu peruntukan yang sangat besar dari sektor-sektor yang lain. Dan diharap Kerajaan bersedia dan juga berhati-hati di dalam melaksanakan rancangan pertanian ini supaya ianya tidak menjadi pembaziran. Pembaziran yang dimaksudkan di sini ialah hasil pertanian yang berlebihan tidak ada, mahupun tidak dapat dipasarkan di negara kita ini sepertimana yang telah terjadi baru-baru ini atas penternak ayam di negeri Johor yang terpaksa membakar berpuluh-puluh ribu ekor anak ayam oleh kerana tidak ada pasaran. Kita tidak mahu ada rakyat yang membakar dan memusnahkan hasil tanaman dan ternakan mereka di sana sini. Oleh itu Kerajaan sendiri harus bersedia ke mana hasil pertanian kita ini hendak dipasarkan.

Kerajaan juga lebih tahu di manakah hendak memasarkan anak-anak ayam dan lain-lain hasil pertanian sekiranya berlebihan. Di bawah sektor pertanian, Kerajaan juga memperuntukkan sebanyak \$619 juta bagi pembangunan tanah di mana agensi-agensi terlibat seperti FELDA, FELCRA, RISDA dan agensi-agensi lain. Justeru itu seramai 6,000 orang peneroka lagi yang dirancangan akan diambil bagi meneroka kira-kira 73,600 hektar kawasan tanah baru. Ini adalah merupakan pembabitan yang ramai di kalangan penduduk kampung yang akan dipilih menyertai penerokaan kawasan tanah itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan agar kawasan-kawasan di negeri Sabah juga dapat ditambah lebih luas lagi dan memberi peluang lebih ramai lagi peneroka-peneroka di negeri itu menjalankan perusahaan-perusahaan pertanian seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, kertas Belanjawan yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada 24hb Oktober telah memperuntukkan di bawah bidang pendidikan pada tahun hadapan sebanyak \$1,037,000 dan ini memang sudah berkurangan dalam tahun-tahun yang sudah. Memandangkan bahawa anak-anak yang baru lahir bertambah akan memerlukan pelajaran yang lebih untuk tahun-tahun hadapan, peruntukan ini saya anggap tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, di segi pembangunan banyak lagi sekolah-sekolah perlu didirikan selain daripada yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu sebanyak 5,000 bilik darjah di peringkat rendah dan 4,200 bilik darjah di peringkat menengah dan lain-lain lagi. Di samping itu juga, perlu kita membanyakkan peruntukan yang akan digunakan bagi membaikpulih sekolah-sekolah yang telah usang

khususnya di kawasan-kawasan luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, sekolah-sekolah seperti ini yang sudah usang banyak terdapat khususnya di pendalaman negeri Sabah dan juga di Pantai Barat Utara negeri Sabah.

Maka dengan itu saya merayu kepada yang berkenaan khususnya Kementerian Pelajaran untuk menyelidik dan untuk menyiasat keadaan prestasi Kementerian berkenaan khususnya di negeri Sabah. Oleh sebab yang demikian peruntukan tambahan perlu, bagi disediakan kepada Kementerian Pelajaran, agar Kementerian tersebut dapat menambah tanggungjawab mereka kepada yang sedia ada bagi meramalkan bilangan lepasan sekolah di dalam jangka masa 3-5 tahun yang akan datang dan menyediakan pula peluang-peluang pekerjaan kepada lepasan sekolah tersebut supaya mengelakkan daripada pengangguran. Kita, dan saya, khususnya faham bahawa ini bukanlah tanggungjawab Kementerian Pelajaran untuk menyediakan pekerjaan kepada lepasan sekolah. Namun demikian Kementerian Pelajaranlah yang mengetahui dan dapat merancang dan meramalkan bilangan tenaga-tenaga pekerja yang akan dikeluarkan oleh sekolah-sekolah di masa akan datang. Oleh sebab yang demikian tanggungjawab Kementerian Pelajaran bukan sahaja mendidik anak-anak Malaysia, tetapi juga harus menyediakan tapak-tapak untuk mereka menghadapi hidup masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran harus mendidik semua anak-anak Malaysia bukanlah untuk menjadi penganggur di masa yang akan datang. Jikalau sekiranya ini yang didasarkan kepada Kementerian Pelajaran, maka peruntukan sebanyak \$1,037 juta ini sangatlah banyak, tetapi jikalau sekiranya Kementerian

Pelajaran yang dipertanggungjawabkan untuk mendidik rakyat dan anak-anak Malaysia agar mereka menjadi rakyat yang berguna dan sempurna di masa akan datang, maka bagi pendapat saya peruntukan yang diberikan untuk tahun hadapan kepada Kementerian Pelajaran tidaklah mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa kagum melihat keberanian Kerajaan dalam usaha memperbaiki kelembapan ekonomi negara, sedangkan dunia pada masa ini sedang mengalami penderitaan akibat kemelesetan ekonomi, hampir-hampir memisahkan puak-puak utara yang berada dengan puak-puak selatan yang tidak berada. Defisit balance of payments, dengan izin, di kalangan kumpulan selatan sudah menjadi beban kesiksaan di kalangan rakyat kumpulan itu. Sesungguhnya dengan keadaan sedemikian Kerajaan kita terus berhasrat dan bertekad melalui Belanjawan negara tahun 1987 akan membasmikan kemiskinan dan membanteraskan musuh-musuh anti pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rakyat Malaysia, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas keberanian Kerajaan dan merasa bangga bahawa kita mempunyai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab terhadap rakyat negara ini. Namun demikian saya ingin memperingatkan apa jua yang akan dilaksanakan dan yang akan diambil oleh Kerajaan sebagai satu tindakan mestilah Kerajaan berhati-hati. Dari satu kehendak Kerajaan berusaha menggalakkan pelaburan asing dan juga pelaburan di dalam negeri untuk mengeluarkan barang-barang tempatan yang berorientasikan eksport, tetapi di sebalik dari kehendak yang lain pula Kerajaan berusaha untuk meningkatkan usaha-usahanya di segi berjimat-cermat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini nampaknya Kerajaan mempunyai.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, cuba ringkaskan.

Datu Abdul Hamid bin Tun Datu Haji Mustapha: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tujuan, matlamat dan cita-cita melalui Belanjawan ini ada sedikit bertentangan di mana di satu sudut ia mengikat perut dan membekukan kenaikan gaji, mengurangkan kakitangan dan juga memotong gaji dan sebagainya, ini tentu sekali akan mengurangkan purchasing power, dengan izin. Di sudut yang lain pula, Kerajaan mengalakkan pelaburan di negara kita, tetapi sedangkan purchasing power rakyat sudah dikurangkan. Di manakah pasaran yang harus kita pasarkan barang-barang yang dikeluarkan oleh negara kita? Rakyat tidak punya wang untuk membelinya.

Dengan itu untuk akhir kata kerana masa cemburu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan agar Kerajaan berhati-hati dan harus memastikan bahawa adanya pasaran untuk barang-barang yang akan kita keluarkan nanti oleh sebab galakan diberi oleh Kerajaan kepada badan-badan swasta dan pelabur-pelabur asing untuk menerokai barang-barang mentah kita dan dikeluarkan untuk diperdagangkan sama ada kepada rakyat Malaysia ataupun di luar negeri. Dengan itu pasaran haruslah ditentukan untuk kita berkecimpung dan menghadapi tahun yang akan datang.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong kertas Belanjawan tahun 1987 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat

Menteri Kewangan pada 24hb Oktober baru-baru ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Seputeh.

4.52 ptg.

Tuan Liew Ah Kim (Seputeh): Tuan Yang di-Pertua, bukanlah senang untuk mendapatkan peluang berucap dalam Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kalau begitu, jangan buang masa lagi (*Ketawa*).

Tuan Liew Ah Kim: Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membahaskan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tentang Belanjawan tahun 1987.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang sedang membangun dan mempunyai berbilang kaum, pembangunan kebudayaan di Malaysia sesungguhnya tidak boleh dipisahkan dengan pembangunan negara. Perpaduan rakyat dan masyarakat sebenarnya tidak tercapai kalau hanya melalui penglibatan politik dan ekonomi tetapi adalah dengan cara menuju ke satu matlamat yang sama dalam kehidupan sosial dan kebudayaan negara kita ini. Sejak Dasar Kebudayaan Kebangsaan dirumuskan dalam Kongress Kebudayaan Kebangsaan pada bulan Ogos 1971 dengan tiga asas utama iaitu:

- (i) kebudayaan Kebangsaan Malaysia mestilah berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal rantau ini;
- (ii) unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur Kebudayaan Kebangsaan; dan

- (iii) Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan itu.

Dalam negara Malaysia sendiri sekiranya diambil setelah Dasar Kebudayaan Kebangsaan ditetapkan lebih dari 15 tahun kita belum dapat melihat adanya satu persamaan ataupun lebih tepat dikatakan sebagai satu masyarakat. Kita mempunyai pemerintahan yang sama dan hidup dalam satu negara, seharusnya dapat membina satu identiti rupa bangsa sendiri dalam ertikata perpaduan dan kejiwaan yang ditanamkan di setiap warganegara Malaysia. Hari ini kita masih mengenal diri kita sebagai Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan sebagainya sedangkan sebenarnya kitalah Malaysian. Tidak dapat dinafikan, Tuan Yang di-Pertua, perbezaan kepercayaan tidak dapatlah dikikis namun ciri-ciri kebudayaan kita pada asasnya perlulah mempunyai persamaan dan persefahaman ini supaya dapat menentukan keperibadian rakyat Malaysia. Dengan cara ini, sekurang-kurangnya perbezaan ini dapat dikurangkan dan secara perlahan-lahan dihapuskan semua sekali.

Tuan Yang di-Pertua, dilihat kembali kepada asas kedua dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan iaitu unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur Kebudayaan Kebangsaan. Pengertian Kebudayaan Kebangsaan adalah diwujudkan dengan gabungan kebudayaan antara satu kaum dengan kaum lain. Dari situ keperibadian kebudayaan rakyat Malaysia dapat dikembangkan dan dikekalkan terus. Sebagai contoh, pemberian ampau kini telah pun diamalkan oleh masyarakat Melayu sewaktu Hari Raya Idulfitri di negara kita. Namun demikian, tidak dapat dinafikan sesiapa bahawa ampau menjadi satu adat yang tidak boleh ditinggalkan semasa Tahun

Baru Cina. Perkataan "ampau" itu sendiri pun diambil dari bahasa Cina yang bermaksud bungkus merah. Selain daripada itu kita ambil contoh-contoh lain seperti nasi lemak, yong taufu, sarong dan lain-lain lagi semuanya ini telah diwujudkan dalam suasana penuh keMalaysiaan.

Tuan Yang di-Pertua, ketika merasmikan Kongres Kebudayaan Kebangsaan tahun 1971, bekas Perdana Menteri Allahyarham Tun Haji Abdul Razak telah menyatakan, dan saya quote:

".....Namun haruslah diingat dalam mencari bentuk dan menentukan corak Kebudayaan Kebangsaan kita, kita tidaklah melupakan hakikat bahawa masyarakat kita yang berbilang bangsa, kita hendaklah sentiasa berpandu kepada cita-cita membentuk satu negara di mana rakyatnya dari berbilang bangsa dan golongan dapat dijalinan dalam satu ikatan yang kuat. Saya percaya selagi kita sedar dan insaf akan hakikat ini, kita tidak akan melencong dari matlamat mendirikan bangsa yang bersatu."

Ucapan Allahyarham Tun ini perlukan perhatian yang serius oleh pemimpin-pemimpin negara sekarang dalam melaksanakan Dasar Kebudayaan Kebangsaan khasnya pemupukan kebudayaan antara satu kaum dengan kaum lain merupakan aspek yang penting dalam mengembangkan kemajuan negara, keamanan masyarakat-masyarakat dan jalinan mesra rakyat jelata sekalian tanpa mengira kaum dan agama. Setelah negara kita mencapai kemerdekaan 29 tahun, usaha-usaha untuk meningkatkan dan mendaftarkan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan memang dialukan-alukan. Matlamat dasar bahasa negara adalah perpaduan melalui Bahasa Kebangsaan. Dengan

itu pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu adalah merupakan satu-satu cara utama untuk mencapai matlamat ini. Namun selain daripada bahasa Melayu sebagai Bahasa Malaysia, penggunaan bahasa lain seperti Manderin, Tamil, Iban, Kadazan dan sebagainya juga perlu mendapat kedudukan yang sewajarnya.

Negara Malaysia yang mengamalkan corak demokrasi hendaklah memberikan kebebasan kepada kaum-kaum lain menulis dan bercakap bahasa ibunda dalam keadaan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak dasar satu bahasa, satu budaya dibentangkan di Parlimen pada tahun 1982 adalah dirasakan pada hari ini perhatian yang lebih serius perlu dilakukan dengan segera terhadap matlamat sebenarnya dalam membawa rakyat Malaysia ke arah hidup yang lebih harmoni dan mengekalkan perpaduan. Dasar ini mestilah dikaji semula kerana seandainya diteruskan jua nescaya semangat perpaduan antara kaum, kemajuan negara pasti terhalang dan lebih memburukkan lagi keadaan ialah polarisasi kaum makin bertambah buruk. Dasar ini memang tidak boleh membawa apa-apa kebaikan dan tidak ada cara lain yang sesuai selain daripada membatalkan dasar ini seberapa cepat yang mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, Kesusasteraan Cina di Malaysia sudah dipunyai sejak lebih dari 60 tahun. Penulis-penulis Sastera Cina dan atau dikenali sebagai mawar di Malaysia yang juga merupakan salah satu kaum yang terbesar di tanahair sendiri telah menanamkan rasa cinta dibumi kelahiran mereka bersama-sama dengan rakyat jelata. Ini boleh dibuktikan dari hasil-hasil karya mereka yang tersiar di akhbar-akhbar Cina tempatan terutama sekali

semenjak sahaja negara mencapai kemerdekaan. Hasil-hasil karya mereka semuanya mencerminkan kehidupan rakyat di Malaysia ini. Tentang kepercayaan, keindahan alam dan juga tidak ketinggalan menggambarkan kemajuan sosial dari berbagai sudut pandangan.

Penulis-penulis Sastera Cina ini juga seperti penulis-penulis Sastera Melayu dan Tamil mempunyai pegangan yang kuat mengikut aliran zaman yang bergelora sewaktu penentangan tentera Jepun dan penentangan dasar penjajah melalui hujung pena yang tajam, kumpulan penulis ini sentiasa meluahkan perasaan di jiwa untuk menuntut hak serta maruah supaya dikembalikan kepada rakyat dan negaranya sendiri. Inilah sumbangan yang tidak harus dipandang sepi oleh pemimpin kita sekarang. Melihatkan semangat yang ditunjukkan oleh golongan penulis ini Kesusasteraan Cina di Malaysia memang tidak boleh dinafikan telah mencatatkan banyak sumbangan kepada masyarakat dan negara.

Sasterawan negara Dr Osman Awang sendiri juga telah mencadangkan dalam sebuah Seminar Penulis yang diadakan di Kuching pada Ogos lalu, agar Sastera Cina sepatutnya diterima sebagai sastera negara selain daripada Sastera Melayu. Inilah pendapat dari seorang tokoh sastera yang telah banyak menabur jasa dan bakti ke atas dunia kesusasteraan negara dan kata-kata yang terus terang ini memang tidak boleh diketepikan begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, karya terjemahan adalah seperti sebuah jambatan yang menghubungkan kebudayaan melalui karya terjemahan sastera kita dapat memahami kehidupan, kepercayaan, adat resam dan sebagainya dari kaum-kaum lain dalam kesusasteraan mereka. Malangnya badan-badan yang

bertanggungjawab seperti Dewan Bahasa dan Pustaka sehingga hari ini masih tidak mengambil berat atas karya-karya Mandarin dan Tamil untuk diterjemahkan, ianya cuma memberikan perhatian yang lebih terhadap hasil-hasil karya dari Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun serta beberapa negara lain lagi.

Begitu juga dengan Persatuan Penterjemah Kebangsaan Karya-karya Bahasa Malaysia, Mandarin dan Tamil tidak diambil untuk diterjemahkan di antara satu dengan lain. Sekiranya gejala ini terus berlaku usaha pemupukan kebudayaan kebangsaan pasti terhalang dan ianya juga tidak dapat membantu menghilangkan perasaan saling curiga mencurigai antara kaum dengan kaum.

Tuan Yang di-Pertua, kerja terjemahan sepatutnya tidak terhad kepada karya sastera sahaja, kepercayaan dan adat resam dari berbagai kaum, falsafah nilai-nilai murni serta keagamaan dari berbagai kaum juga patut dimasukkan ke dalam lingkungan penterjemahan. Tarian juga tidak kedengaran sebagai salah satu cabang seni budaya yang berkaitan rapat dengan kehidupan dari sesebuah masyarakat. Sudah kerap kali dicadangkan Tarian Singa dapat diserapkan juga sebagai sebahagian daripada kebudayaan Malaysia di mana ianya dengan sendirinya mencerminkan Malaysia juga tidak kurang memberikan perhatian terhadap kebudayaan kaum-kaum lain, kita tidak nampak ada apa-apa halangan. Sebenarnya hasrat murni ini yang boleh menggugat atau melanggar Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang memang kita sudah menerimanya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menyatukan rakyat sejagat serta mengembangkan tradisi budaya dari

satu kaum kepada satu kaum yang lain daripada pertunjukan pentas hinggalah kepada media massa seperti akhbar-akhbar, TV dan Radio juga perlu memainkan peranan yang penting untuk tujuan memberikan penerangan yang secukupnya. Persembahan sama ada nyanyian atau tarian dari kaum Cina, India serta kaum-kaum lain seharusnya ditambah dari semasa ke semasa dengan mempunyai segi keindahan atau kesempurnaan. Inilah juga yang tertulis dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan iaitu dalam asas yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan perlulah mengubah pendiriannya untuk melaksanakan Dasar-dasar Kebudayaan di negara kita. Sesudah memahami dengan jelas terhadap kebudayaan kaum-kaum lain pasti wujud perasaan toleransi di antara kaum dengan kaum, sikap mengamalkan kebudayaan berbilang kaum merupakan salah satu caranya untuk menghapuskan polarisasi kaum yang kian menular di negara kita sejak dewasa ini. Atas sumbangan dari penulis-penulis Sastera Cina dan Tamil yang tidak kecil terutama sekali meniupkan semangat cintakan tanahair, pihak Kerajaan pun seharusnya tidak ragu-ragu lagi dapat menyerapkan Kesusasteraan Cina dan Tamil ke dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Sekiranya kedua-dua bidang kesusasteraan ini masih berada di luar pintu dasar ini ianya tetap merugikan negara kerana ketidaksefahaman antara kaum seperti hari ini masih wujud dan berterusan. Selagi gaya sastera Cina dan Tamil tidak mendapat pengiktirafan dari Kerajaan masih menimpa-nimpa di jiwa setiap kaum yang berlainan yang memang ingin melihat Malaysia adalah sebuah negara berbilang bangsa yang hidup penuh aman dan sejahtera tanpa mengira perbezaan corak kebudayaan yang dianuti.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh perkara tentang Cooperative Central Bank (CCB) dan diharapkan Ahli-ahli Yang Berhormat penyokong Kerajaan tidak akan mengganggu apabila saya melafazkan ucapan mengenai CCB. Saya ingin melafazkan ketidakpuasan hati DAP tentang jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar bahawa Jabatan Koperasi sedang menyiasat kegiatan CCB ekoran permintaan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong semasa membahaskan Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan DiRaja, untuk mendapatkan satu penjelasan tentang hutang dan pinjaman-pinjaman lapuk yang dianggarkan sebanyak \$500 juta.

DAP menyeru pihak Bank Negara Malaysia untuk menjalankan siasatan secara menyeluruh terhadap Cooperative Central Bank kerana DAP tidak yakin dalam siasatan yang dibuat oleh Jabatan Koperasi itu atas sebab-sebab yang berikut:

- (i) kelalaian dan sikap tidak bertanggungjawab oleh Jabatan Pembangunan Koperasi yang menyebabkan CCB berada dalam keadaan kritikal sekarang;
- (ii) ramai dari pegawai atasan Jabatan koperasi sama ada dalam peringkat kebangsaan atau negeri, sekarang berkhidmat dengan CCB. Oleh itu sukarlah bagi Jabatan Koperasi untuk menjalankan siasatan yang bebas dan tidak berat sebelah; dan
- (iii) CCB telah memberikan pinjaman-pinjaman yang tidak mengikut syarat kepada pemimpin-pemimpin politik dan Kerajaan yang penting dan juga pegawai-pegawai Kerajaan di mana banyak

daripada pinjaman itu tidak diberikan khidmat hutang. Oleh itu tidak ada sesiapa pun yang boleh mempercayai bahawa Jabatan Koperasi mempunyai kuasa untuk melaksanakan siasatan yang bebas dan tidak terpengaruh.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat banyak contoh tentang percanggahan kepentingan dan amalan irregularity, dengan izin, dalam CCB. Saya tidak perlu sebut sekali lagi pinjaman \$45 juta yang diberikan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan atas cagaran sebidang tanah bernilai \$9.6 juta yang melanggar segala peraturan bank.

Misalnya, Syarikat Anthony Skelchy yang menjadi Juruaudit Luar kepada CCB untuk selama maksima 6 tahun yang ditetapkan oleh undang-undang dan dalam tahun 1984, sebuah syarikat Juruaudit Mohd. Awang & Co. dilantik menggantikan Anthony Skelchy. Terdapat tuduhan yang amat serius bahawa Anthony Skelchy dan Mohd. Awang & Co. adalah syarikat yang sama yang menggunakan kakitangan dan juga nombor-nombor telefon dan alamat yang sama.

Pada tahun 1984, Anthony Skelchy telah menjadi Juruaudit kepada sebuah anak syarikat kepada CCB iaitu PPK Credit & Leasing Sdn. Bhd. tetapi dalam tahun yang sama, Anthony Skelchy juga menjadi penjamin peribadi kepada pinjaman \$13.2 juta yang diberikan kepada dua orang individu oleh CCB. Ini telah menimbulkan persoalan percanggahan kepentingan yang serius di mana Juruaudit Luar kepada sebuah anak syarikat menjadi penjamin peribadi kepada pinjaman yang diberikan oleh syarikat induk.

DAP ingin memberi amaran bahawa melainkan pihak Kerajaan

bersedia menyasat skandal CCB ini dengan sikap yang serius dan segera, pihak kami akan membawa usul memotong \$10, dengan izin, ten dollar cut motion, semasa tahap Jawatankuasa Rang Undang-undang Perbekalan dibentangkan, supaya membongkar dan membuka skandal CCB untuk pengetahuan umum.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh perkara tentang perumahan. Masalah perumahan.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila ringkaskan, Ahli Yang Berhormat.

Tuan Liew Ah Kim: Boleh, saya akan cuba. Masalah perumahan, semenjak tahun-tahun kebelakangan ini merupakan suatu bebanan yang sentiasa dihadapi oleh masyarakat awam, akibat pertambahan penduduk yang kian pesat dengan berlakunya penghijrahan orang-orang kampung ke kawasan bandar yang menyebabkan kekurangan rumah amat terasa sekali dan semakin lama keadaan ini terus berlarutan. Ianya tentu merumitkan lagi terhadap negara sekiranya tiada satu rancangan yang tersusun dengan berkesan untuk mengatasinya.

Adalah menjadi harapan setiap penghuni dalam hidup mereka untuk mempunyai sebuah rumah milik sendiri yang boleh dihuni sepanjang hidup mereka dan juga kepada keluarganya iaitu satu mimpi yang sentiasa berlegar-legar di kepala orang yang tiada mempunyai rumah sendiri, tanpa mengira apa jenis rumah yang dimiliki sekalipun, sama ada rumah teres ataupun rumah pangsa kos rendah kehidupan bagi setiap penghuni pasti akan menjadi lebih terjamin dan berkekalan.

Untuk melihat masalah yang kini dihadapi oleh negara kita ini, di mana kekurangan rumah telah

mengakibatkan begitu ramai penduduk terpaksa menyewa rumah buat beberapa waktu malahan ada juga yang sepanjang hayatnya membayar sewa rumah setiap bulan, kerana tidak ada peluang langsung untuk mendapatkan rumah milik sendiri. Adalah menjadi harapan kepada setiap rakyat sekiranya negara kita boleh menyiapkan sebuah rumah untuk sebuah keluarga. Inilah permintaan yang sering ditunggu-tunggu oleh penduduk-penduduk negara kita. Kekurangan rumah pangsa kos rendah yang menjadi idaman kepada setiap penduduk yang berpendapatan rendah berlaku di mana-mana sahaja di bandar-bandar besar terutama sekali di sekitar Wilayah Persekutuan. Apa yang terjadi pada hari ini ialah bagaimanakah dengan harga sebuah rumah pangsa kos rendah bernilai \$25,000 ke atas, mampu dibeli oleh golongan yang berpendapatan rendah.

Adalah dicadangkan supaya harga rumah pangsa kos rendah diturunkan sesuai dengan kemampuan golongan bawahan itu, mengikut sebab-sebab berikut:

Pertama, harga jenis rumah ini boleh dikawal oleh pihak Kerajaan dari terus melambung naik tanpa apa-apa sebab yang munasabah.

Kedua, pengendalian pertukaran kawasan dari kawasan pertanian kepada kawasan perumahan harus dipermudahkan lagi supaya ianya tidak perlu memakan masa yang panjang.

Ketiga, urusan pertukaran strata hak milik boleh dilakukan dengan cepat.

Tuan Yang di-Pertua, Akta hakmilik Strata 1985 yang telah diwartakan pada 30hb Mei, 1985 dan mulai berkuatkuasa pada 11hb Jun, 1985 adalah satu Akta yang bertujuan untuk memudahkan pecah bahagian

bangunan kepada petak-petak dan pelupusan hakmilik-hakmilik dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya. Dengan berkuatkuasanya Akta ini sudah berapa ramaikah pemaju-pemaju perumahan yang telah menurut perintah Akta ini dan memohon hakmilik strata ini dan kedua, berapa banyakkah hakmilik strata telah diluluskan dan dikeluarkan sehingga hari ini.

Saya difahami bahawa kebanyakan pemaju perumahan yang memohon hakmilik strata ini masih belum menerima apa-apa jawapan dari pihak berkenaan, hinggakan ada yang lebih dari 10 tahun lamanya. Pihak Kerajaan sepatutnya mengambil berat ke atas hal ini dan dapat melaksanakan proses permohonan ini dengan secepat mungkin. Sekiranya terjadi apa-apa kelambatan pada hakmilik strata yang hendak dilaksanakan, ianya pasti akan menimbulkan banyak masalah yang dihadapi. Pertama, tanpa hakmilik strata empunya rumah pangsa, apartment, seringkali menerima lebih banyak kesulitan untuk menguruskan harta benda mereka. Kedua, pembeli baru akan sukar mendapatkan pinjaman. Ketiga, dalam waktu kemelesetan ekonomi, pemaju perumahan mungkin menggadaikan hakmilik asal kepada institusi kewangan untuk mendapatkan kemudahan pinjaman dan kadangkala terjadi apabila pemaju perumahan tidak mampu membayar pinjaman itu kepada pihak institusi kewangan, sesebuah rumah itu akan dilelongkan kepada orang awam pula.

Seperti yang kita sering kedengaran tentang aduan demi aduan dari kebanyakan pemaju perumahan ialah jangkamasa yang begitu lama sekali untuk mendapatkan kelulusan rancangan dan pertukaran tanah kepada projek perumahan dan akibatnya sekiranya perbelanjaan yang diperlukan makin lama makin

tinggi dan menyebabkan terpaksa menjualkan rumah itu dengan harga yang tinggi. Apakah Kerajaan tidak mempunyai sebarang rancangan bagi mempermudah proses-proses ini supaya dapat menjimatkan jumlah kos pembinaan untuk pihak pemaju perumahan ini.

Inilah gesaan yang patut dititikberatkan oleh Kerajaan agar dapatlah rakyat negara kita dapat membeli rumah lebih rendah harganya yang sepatutnya dikenakan. Di bawah pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru telah menjadi satu syarat bahawa sekurang-kurangnya 30% dari pembangunan-pembangunan yang akan dibina oleh pemaju perumahan adalah dikhaskan kepada kaum bumiputera. Malangnya dengan dukacita sekali untuk menyatakan, berbagai jenis perumahan ini termasuk rumah pangsa serta apartment yang diperuntukkan kepada kaum Bumiputera ini tidak pula menghadkan tempoh yang maksima untuk lot-lot reserve ini. Ini kerana sekiranya menghadkan tempoh tertentu, lot-lot ini dapat dikembalikan semula kepada pemaju perumahan untuk dijual kepada orang awam. Apa yang saya ketahui terdapat sebilangan besar lot-lot ini yang tidak dapat dijual semua selama lebih dari satu tahun pun tidak dikembalikan kepada pemaju-pemaju perumahan dan mengakibatkan cash flow yang ditanggung oleh pihak syarikat pemaju perumahan tersebut. Adalah dicadangkan sepatutnya dihadkan selama 6 bulan sahaja sebagai tempoh untuk dikembalikan semula kepada pemaju perumahan. Jika tidak, keadaan ekonomi pun turut terjejas dan menimbulkan berbagai keburukan lagi.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Kerajaan telah pun membelanjakan berjuta-juta ringgit dalam mendirikan

rumah-rumah serta kedai-kedai untuk keperluan rakyat dari masa ke semasa. Projek demi projek yang dirangka dalam rancangan-rancangan Kerajaan tertentu sebagai Rancangan Malaysia Yang Keempat. Usaha ini bagaimanapun tidaklah dapat berhasil seperti yang dijadualkan. Dua tahun yang lalu telah dirancangan sebanyak 80,000 unit buah rumah pangsa kos rendah akan dibina, namun rancangan tinggal sekadar rancangan, ianya terbelengkalai di separuh jalan dan tidak dapat disiapkan sebagaimana yang diharap-harapkan oleh semua lapisan masyarakat. Untuk mengatasi masalah kegagalan rancangan pembinaan rumah pangsa kos rendah ini, Kerajaanlah yang sepatutnya mengambil berat tentangnya. Sekiranya gagalnya projek rumah pangsa kos rendah ini makin bertambahlah banyak rumah-rumah setinggan yang didirikan di merata-rata tempat terutama sekali di sekitar kawasan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sama ada Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan Negeri, masalah kekurangan rumah perlu diambil perhatian utama kerana ianya berkaitan rapat dengan pertumbuhan penduduk. Pihak-pihak yang berkenaan ini adalah dinasihatkan supaya setiap waktu, setiap ketika dapat menemui permintaan rakyat jelata di seluruh negara untuk menyediakan rumah kediaman sebagai perlindungan hujan dan panas serta memberikan keselesaan untuk rakyat hidup lebih bahagia di bumi kita yang bertuah ini.

Sekianlah, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Titiwangsa.

5.30 ptg.

Drs Suleiman bin Mohamed (Titiwangsa): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian untuk

membahas Anggaran Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada minggu lalu.

Bagi saya, Anggaran Belanjawan yang dikemukakan secara terbuka dan terus-terang itu mempunyai satu "significant" bahawa prospek pertumbuhan ekonomi negara kita mengalami keadaan yang paling suram, paling tidak 2 atau 3 tahun ini. Lantaran itu, semua masyarakat tidak mengira kaum atau lapisan mestilah menerima cabaran ini dengan tenang dan dengan hati yang terbuka. Mereka mestilah bersedia menukar sikap dan corak hidup dari taraf kehidupan yang tinggi dan mewah kepada satu pola dan keadaan yang sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, taraf kehidupan yang tinggi dan mewah sudah menjadi budaya rakyat Malaysia kerana kita dididik oleh arus dan perkembangan ekonomi yang lebih baik beberapa dekad yang lalu. Akibatnya, pemborosan dan pembaziran yang merupakan nilai dan norma budaya kita itu akan menjadi satu "psychological conflict", dengan izin, yang harus dihapuskan secara berani. Orang ramai dan masyarakat mestilah mampu menerima gejala "relative deprivation", dengan izin, bahawa mereka harus belajar hidup pada taraf yang sederhana atau yang lebih rendah. Gejala "relative deprivation" ini sesungguhnya akan memainkan peranan yang lebih besar di dalam perkembangan politik negara kerana manusia itu tidak dapat mewujudkan harapan materialnya sendiri.

Dalam konteks ini, saya tidak nampak cara yang lebih sempurna dan bijaksana dari ketaatan rakyat dan menerima implikasi sosial dari dimensi ekonomi yang lembab ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong langkah jimat-cermat Kerajaan di dalam mengaturkan

pengurangan di dalam peruntukan Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 1987 sebanyak \$1.215 juta atau kira-kira 6% lebih rendah dari Belanjawan tahun 1986. Walaupun terdapat pemotongan-pemotongan di dalam peruntukan bagi Perbelanjaan Mengurus, saya yakin ini tidak akan melibatkan kekesanan dan peningkatan prestasi pentadbiran negara ini.

Pada pandangan saya peningkatan prestasi dan kelicinan pentadbiran Kerajaan adalah berkait rapat dengan sikap pegawai dan kakitangan sendiri. Setiap orang dari kakitangan Kerajaan, sama ada dari pangkat yang setinggi-tingginya hinggalah ke peringkat yang rendah, perlulah merasakan bahawa mereka sama-sama mempunyai peranan dan tanggungjawab di dalam meninggikan mutu perkhidmatan pentadbiran negara. Adalah amat penting bagi seseorang pegawai Kerajaan itu memahami hasrat dan semangat setiap satu dasar yang digubal dan diputuskan untuk dilaksanakan oleh Kerajaan yang memerintah hari ini. Perlulah ada persefahaman dan pendekatan secara bersepadu di antara pembuat dasar dengan pelaksana.

Konsep persefahaman ini bolehlah kita ibaratkan peranan "gear" dan "accelerator", dengan izin, bagi sebuah kenderaan. Kalau masuk gear, tetapi acceleratornya tidak ditekan, kenderaan itu tidak akan bergerak. Manakala kalau accelerator ditekan dan gear tidak masuk, bunyinya akan kuat dan bising, tetapi kenderaan itu tidak juga mungkin akan berjalan.

Saya harap konsep "gear dan accelerator" ini perlulah dipraktikkan dengan lebih berkesan di dalam masa Kerajaan hendak melaksanakan banyak dasar-dasar yang telah digubal untuk membangun demi kemakmuran negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong di atas hasrat dan tindakan Kerajaan untuk mengkaji semula kedudukan dan peranan kakitangan perwakilan kita di seberang laut. Penyelarasan di antara bahagian-bahagian yang ada, seperti Diplomat, Pesuruhjaya Perdagangan, Jabatan Penuntut di Luar Negeri perlulah diselaraskan semula dari segi tugas dan peranan secara "integrated approach", dengan izin. Ini akan memberi kekesanan dan kelicinan di dalam pentadbiran luar negeri yang lebih bermakna selaras dengan dasar jimat cermat Kerajaan.

Dalam keadaan kedudukan ekonomi kita pada hari ini, saya juga berpendapat adalah perlu bagi kita untuk mengorientasikan semula terhadap peranan dan tanggungjawab perwakilan-perwakilan kita di luar negeri. Kalau dahulunya, biasanya perwakilan kita memainkan peranan di dalam hubungan diplomat, hubungan politik dan kerjasama dua hala, tetapi peranan ini perlulah diberi orientasi baru, iaitu menjalankan tugas memperdagangkan bahan-bahan eksport Malaysia bagi mendapatkan pasaran di negara di mana mereka bertugas. Saya yakin dengan pengimbangan tugas sebagai diplomat dan tugas perdagangan ini akan membantu Kerajaan menyelesaikan masalah kemelesetan ekonomi yang kita hadapi pada masa sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyambut baik di atas hasrat Kerajaan untuk menswastakan lebih banyak lagi perkhidmatan Kerajaan, seperti Perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya yakin ini akan dapat mengurangkan bebanan Perbelanjaan Pengurusan yang dihadapi oleh Kerajaan yang kian bertambah dari setahun ke setahun. Ini akan dapat mengurangkan beban kewangan yang ditanggung oleh Kerajaan dalam

bentuk Perbelanjaan Mengurus dan tanggungan pencen yang terpaksa dibayar kelak. Walau bagaimanapun, ini tidaklah bermakna Kerajaan mahu lari dari tanggungjawab ini. Kita percaya dengan cara ini akan dapat mewujudkan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan demi kepentingan orang ramai, di samping ianya dapat menjimatkan kewangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Kerajaan kepada cadangan untuk mengubahsuai skim pemberian biasiswa yang ada sekarang. Pada umumnya hampir keseluruhan mereka yang mendapat kemudahan ini adalah terdiri daripada kaum bumiputera, khususnya orang-orang Melayu. Walaupun cadangan yang dikemukakan untuk mengubah skim ini kepada 20% biasiswa dan 80% lagi di dalam bentuk pinjaman ini ada baiknya, saya berpendapat perubahan-perubahan ini perlulah dibuat secara beransur-ansur. Dalam jangka masa Kerajaan untuk meningkatkan lebih ramai lagi tenaga profesional Melayu bagi mengimbangi bilangan tenaga profesional bukan Melayu, kita perlu memberi penegasan kepada pemberian dalam bentuk insentif seperti ini diteruskan. Saya khuatir kalau cadangan ini dilaksana secara mendadak, ianya akan menjejaskan matlamat kita untuk menambahkan tenaga profesional orang Melayu di dalam bidang-bidang tertentu, seperti kejuruteraan dan kedoktoran.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan Kerajaan melaksanakan setiap dasar dari program bagi membangun negara ini adalah amat bergantung kepada kestabilan politik dan negara. Bagi maksud mencapai maksud ini, maka amatlah perlu bagi setiap individu di kalangan yang ada di negara ini memainkan peranan untuk memupuk perpaduan di negara kita. Kita tidak lagi boleh membiarkan isu-isu perkauman dalam semua bentuk

berterusan yang boleh membinasakan asas pembinaan masyarakat Malaysia yang bersatupadu pada masa hadapan.

Oleh itu, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengingatkan semua pihak, khususnya parti Pembangkang untuk mengambil kepastian bahawa setiap rangkaian ucapan yang dibuat di Dewan ini tidak akan menyinggung perasaan mana-mana kaum bagi kita mengutuhkan perpaduan kaum yang akan menentukan kestabilan politik dan ekonomi di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pensiangan.

5.48 ptg.

Tuan Taimin bin Lumaing (Pensiangan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Belanjawan Negara bagi tahun 1987 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada tarikh 24hb Oktober, 1986.

Saya ingin menyentuh beberapa perkara yang membimbangkan Kerajaan Negeri Sabah bahawa Sabah tidak mendapat sambutan yang menggalakkan ke atas permohonan untuk memperolehi peruntukan yang memuaskan bagi Rancangan Malaysia Kelima untuk mengekalkan strategi pembangunannya sama seperti yang telah dialami di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dahulu. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat, Sabah memohon peruntukan pembangunan berjumlah \$8 ribu juta, tetapi hanya diberi sebanyak \$3,172 juta atau hanya 13.3% sahaja, lebih tinggi daripada jumlah peruntukan yang disemak semula di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, iaitu sebanyak \$2,798 juta.

Perkara yang saya bangkitkan tadi adalah mendukacitakan disebabkan projek-projek yang telah dicadangkan

dibawa di Sabah untuk dilaksanakan di awal tempoh Rancangan Malaysia Keempat terpaksa dibatal atau ditangguhkan.

Saya sedar bahawa negara kita sedang mengalami tekanan ekonomi yang hebat sekali, tetapi bila dipandang secara sepintas lalu ke atas peruntukan Negeri-negeri dalam Rancangan Malaysia Keempat yang lalu, Sabah ditunjukkan sebagai nombor dua selepas Negeri Selangor, dari segi jumlah pembahagian perbelanjaan peruntukan pembangunan untuk seluruh negara. Jika kita lihat dengan teliti terhadap perangkannya adalah ternyata sekali bahawa Sabah menyumbangkan hampir 39% daripada wangnya sendiri dari jumlah peruntukan tersebut.

Menurut Buku Laporan Malaysia Keempat hanya sebuah negeri lain sahaja dalam Persekutuan yang memberi sumbangan terhadap pembangunan dari tabung kewangannya sendiri. Negeri tersebut ialah negeri Terengganu yang menyumbangkan kira-kira M\$150 juta untuk pembangunannya. Daripada pembahagian perbelanjaan Persekutuan, Sabah sebenarnya berada di tempat ke sembilan dari segi perbelanjaan peruntukan mengikut bilangan penduduk. Oleh itu kedudukannya lebih rendah lagi iaitu di nombor ke sebelas.

Sabah masih jauh ketinggalan dari negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dalam semua bidang pembangunan sosio-ekonomi. Saya merayu kepada Kerajaan Persekutuan supaya memperuntukkan pembahagian yang adil dari tabung Persekutuan untuk projek-projek Persekutuan yang amat penting dan patut dilaksanakan.

Rayuan saya untuk mendapat pertambahan kewangan untuk Sabah dalam Rancangan Malaysia Kelima

juga bergantung kepada kesedaran tentang keperluan-keperluan yang mendesak. Misalnya selepas 23 tahun berada dalam Malaysia, Sabah masih lagi kekurangan jalanraya-jalanraya yang boleh menghubungkan rakyat di Pantai Barat, Pantai Timur dan Residensi pendalaman dalam semua keadaan cuaca, manakala cukai-cukai kenderaan dan jalanraya di negeri Sabah adalah yang terlalu tinggi sekali jika dibandingkan dengan negeri Sarawak dan di Semenanjung. Jalanraya-jalanraya negeri Sabah bukan bertaraf highway, dengan izin, dan tidak sepatutnya dikenakan cukai jalanraya yang tinggi, kerana jalanraya negeri Sabah adalah 80% buruk, khasnya di pendalaman dan tidak sesuai dilalui oleh teksi dan kenderaan private kecuali jentera-jentera berat sahaja. Oleh yang demikian, taraf jalanraya-jalanraya di Residensi pendalaman haruslah diperbaiki dan dinaikkan tarafnya di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Jika perkara ini tidak dapat diberi keutamaan dari segi pandangan ekonomi, adalah wajar bahawa cukai-cukai jalanraya negeri Sabah haruslah dikurangkan selaras dengan keadaan taraf jalanraya di Sabah pada masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada pihak Kerajaan, khasnya kepada Kementerian Kerjaraya Malaysia agar dapat mengkaji dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya supaya jalanraya gravel, dengan izin, yang menghubungkan Daerah Keningau dengan Daerah Nabawan sejauh 72 kilometer itu dibubuh dengan tar daripada peruntukan Kementerian pada tahun 1987 ini. Jalanraya tersebut adalah yang terpenting sekali untuk masyarakat pendalaman yang berpenduduk lebih 30,000 orang itu.

Masalah yang penting bagi maksud jalanraya ini adalah bagi maksud mengeluarkan hasil-hasil pertanian

oleh petani kecil di sepanjang jalanraya ini ke pekan Keningau ataupun ke pekan Nabawan untuk dijual. Di samping itu juga untuk menjaga atau menjamin kesihatan dan kebersihan bagi petani-petani atau penduduk-penduduk kampung yang tinggal berhampiran di sepanjang jalanraya tersebut. Oleh yang demikian pada musim kemarau atau oleh "dry season", dengan izin, keadaan jalanraya ini sangat berhabuk (dusty), maka ini tentu sekali menyukarkan penduduk-penduduk di situ untuk pergi dari satu tempat ke satu tempat.

Tuan Yang di-Pertua, di antara perkara-perkara yang telah saya sentuhkan, saya juga ingin menarik perhatian di Dewan yang mulia ini mengenai dengan isu-isu kemudahan Perkhidmatan Pelajaran dan Perubatan di negeri Sabah, terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman, akibat kekurangan bangunan-bangunan sekolah di Sabah telah menjejaskan pembangunan pelajaran.

Di peringkat sekolah rendah kita, ini boleh dilihat semata-mata bahawa budak-budak sekolah terpaksa dibahagikan kepada pagi dan petang. Di kawasan-kawasan pedalaman pula bangunan-bangunan yang ada, adalah terlalu tua diperbuat daripada bahan-bahan sementara seperti bambu dan atap. Ada di antara bangunan ini tidak boleh digunakan di masa hujan.

Saya juga berpendapat bahawa Sabah hanya mempunyai 97 buah sekolah menengah, tetapi hanya mempunyai 78 buah bangunan sekolah. Sepatutnya Sabah harus mempunyai 127 sekolah menengah yang bererti negeri Sabah masih mengalami kekurangan 30 sekolah menengah dan 49 bangunan sekolah mengikut keperluan bilangan penuntut yang layak bersekolah

sebanyak lebih kurang 22,800 penuntut pada tahun 1985.

Kemudahan-kemudahan yang lain juga tidak mencukupi, seperti kerusi dan meja, alat-alat sains dan sukan, buku-buku teks dan perpustakaan. Ada kalanya buku-buku teks lewat dikirim ke sekolah hingga pelajaran penuntut-penuntut ketinggalan beberapa bulan.

Seramai 1,463 guru-guru U.T.S. sehingga hari ini belum lagi mendapat keistimewaan yang seimbang dengan guru-guru lain termasuk guru-guru U.T.S. dari negeri-negeri di Malaysia. Walaupun banyak surat-surat rayuan telah dikirim ke Kementerian Pelajaran yang tidak kurang dari lapan kali termasuk daripada Persatuan Guru-guru, Missionary Council dan pemimpin-pemimpin masyarakat belum juga mendapat sebarang penyelesaian yang memuaskan. Keadaan yang tidak sihat serupa ini tidak patut dibiarkan begitu sahaja tetapi haruslah diperbaiki oleh Kementerian Pelajaran yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh satu perkara lagi iaitu perkara mengenai dengan kelemahan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan di kawasan saya, khususnya di Resideni pedalaman.

Saya telah mendapat tahu bahawa Kerajaan Persekutuan telah memotong peruntukan kewangan untuk Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan dengan alasan menyelamatkan perbelanjaan. Peruntukan kewangan daripada tahun 1981 hingga 1984 telah dikurangkan sebanyak \$13 juta seperti berikut:

	<i>Tahun</i>	<i>Jumlah</i>
1981	\$104 juta
1982	\$107 juta
1983	\$ 92 juta
1984	\$ 91 juta

Pemotongan peruntukan tersebut telah menjejaskan projek-projek kemudahan perubatan dan kesihatan di negeri Sabah terutama di kawasan-kawasan luar bandar yang terpencil, yang benar-benar memerlukan kemudahan klinik dan dispensari, pusat-pusat kelompok kampung dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini kita telah difahamkan oleh Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia semasa menjawab persoalan Jawapan Mulut pada 14-10-1986 bahawa Sabah adalah di antara negeri-negeri dalam Malaysia yang terbanyak kes-kes malaria iaitu di antara 20,000 hingga 30,000 kes setahun. Perkara ini sebenarnya saya telah dugaikan atau **ketahui sebelum itu. Bukan sahaja** kes-kes malaria yang terbanyak di Sabah khasnya di pendalaman seperti Kawasan Parlimen saya—Pensiangan, malahan banyak lagi penyakit-penyakit berjangkit seperti T.B., Bronchitis, Asthmatic Bronchitis, Gastroenteritis, Smallpox, dengan izin, dan kadangkala penyakit taun atau cholera.

Penyakit-penyakit berjangkit tersebut selalu sahaja merebak di kawasan-kawasan pendalaman khasnya di kawasan Parlimen saya—Pensiangan. **Bukan sahaja** mengganggu kesihatan penduduk-penduduk di Sabah bahkan akan membawa kematian yang banyak. Ini disebabkan ketiadaan rumah sakit atau dispensari yang berhampiran untuk mendapatkan rawatan segera. Rumah sakit yang paling terdekat sekali hanya terdapat di pekan Keningau iaitu sejauh 72 kilometer daripada pekan Nabawan. Penduduk-penduduk di kawasan Parlimen saya, Pensiangan, adalah terdiri daripada orang-orang miskin dan mereka hanya bergantung hidup daripada hasil tanaman-tanaman mereka yang sedikit itu dan hasil pemburuan mereka di hutan rimba. Oleh sebab itu, mereka sanggup

menderita dan mati jika mereka sakit daripada datang untuk minta rawatan daripada hospital yang jauh seperti yang terdapat di Keningau kerana mereka tidak mampu untuk membayar kos perbelanjaan untuk datang minta rawatan.

Oleh yang demikian, sekali lagi saya merayu kepada Kerajaan Persekutuan, khasnya Kementerian Kesihatan Malaysia supaya dapat membinakan sebuah rumah sakit Daerah di pekan Nabawan untuk menjamin ketenteraman dan kesihatan hidup rakyat desa yang malang itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga dimaklumkan oleh Pegawai Kesihatan **pendalaman Sabah** bahawa peruntukan untuk mendirikan sebuah Dispensari di pekan Sepulut/Pensiangan telah ditarik balik oleh Kerajaan Persekutuan. Saya merayu kepada Kerajaan sekali lagi khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia supaya peruntukan untuk mendirikan Dispensari tersebut, sepertimana yang dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Keempat diwujudkan semula.

Selain daripada itu kemudahan-kemudahan perumahan juga tidak memuaskan di mana ada di antara Health Nurse terpaksa duduk di rumah-rumah yang reput yang tidak sesuai didiami oleh manusia. Jabatan Perkhidmatan Perubatan juga mengalami kekurangan alat-alat perubatan dan ubat. Di Hospital Besar Kota Kinabalu pula mengalami ketiadaan alat-alat yang penting seperti, dengan izin, Colonscope, Fiberoptic, Bronchoscope, Treadmill ECG dan lain-lain lagi.

Di samping itu terdapat juga Perkhidmatan Perubatan mengalami kekurangan kakitangan perubatan (Nursing Staff). Saya mendapat tahu

Sabah tidak mempunyai pakar-pakar perubatan seperti Pathologist, Radiologist, Dermatologist, ENT Surgeon selain daripada mengalami kekurangan doktor-doktor biasa.

Setakat ini hanya 560 jawatan Staff Nurses telah diluluskan, bermakna seorang nurse bagi 1,806 penduduk. Walaupun demikian hanya 447 jawatan ini diisikan dan masih mempunyai kekosongan sebanyak 113 jawatan. Program Maternal and Child Care, dengan izin, mengalami kekurangan kakitangan sebanyak 37 orang.

Tuan Yang di-Pertua, soal kekurangan doktor-doktor di meratarata tempat di dalam Malaysia khususnya di Sabah, saya agak tidak senang kalau saya tidak memberitahu di Dewan yang mulia ini hal-hal yang sebenarnya mengapakah ramai doktor-doktor yang meninggalkan perkhidmatan mereka dari Kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, faktor-faktor utama ialah mereka tidak diberi gaji yang memuaskan dan peluang kenaikan pangkat tidak diselaraskan. Oleh yang demikian, saya merayu kepada pihak Kerajaan Persekutuan, khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia supaya mengkaji semula gaji pokok mereka kerana kalau ianya rendah daripada Pegawai Daerah yang berkelayakan B.A. (Hons.) Sastera sahaja sudah pasti tiada tarikan.

Dalam pengetahuan saya, doktor-doktor muda berkelulusan MBBS hanya menerima gaji sebanyak \$2,000 atau \$2,500 sebulan atau ada yang lebih rendah daripada itu. Saya berharap perkara ini baik dikaji dengan teliti kerana jurang pendapatan antara perkhidmatan dengan Kerajaan dan memiliki klinik sendiri adalah sangat jauh berbeza. Biarlah gaji yang tinggi itu untuk mendorong rakyat kita mengambil dalam bidang perubatan dan tidak di bidang-bidang Sastera sahaja.

Kerja sebagai doktor ini, kalau berdedikasi sudah tentu kurang tidur, kurang makan, teruk dan kotor. Mereka hanya bermain dengan nyawa dan hidup mati manusia. Peranan mereka ini adalah berbeza sekali. Begitu juga dengan kenaikan pangkat mereka perlu diselaraskan supaya doktor-doktor ini dapat menerima beban kerja yang begitu berat dengan hati yang terbuka.

Di samping itu juga Pembantu Hospital (H.A.) dan Staff Nurses boleh dilatih untuk menjadi seorang doktor dan bukan hanya lepasan HSC atau STP sahaja. Pembantu Hospital (H.A.) atau Staff Nurses adalah cukup bijak terutama yang ada pengalaman 10 tahun atau lebih. Pengalaman mereka luas dan kadang-kadang mereka lebih cekap daripada MBBS yang masih hijau. Mereka ini adalah sumber penyelamat nyawa yang sedia ada, hanya peluang tidak diberi kepada mereka ini.

Untuk mengakhiri ucapan saya, saya harap pihak Kementerian yang berkenaan haruslah menitikberatkan isu-isu penting yang ditimbulkan dan seterusnya mengambil tindakan yang tertentu demi untuk kepentingan rakyat dan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Rantau Panjang.

5.55 ptg.

Tuan Haji Mohamed Yaacob (Rantau Panjang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun ingin memberi ucapan sokongan saya di atas Belanjawan 1987 yang telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Dewan yang mulia ini pada 24hb Oktober baru-baru ini. Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk

saya memberi ucapan ini, dapat saya melahirkan sokongan saya dan perasaan saya terhadap Belanjawan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua memang sedar bahawa setiap insan ataupun manusia tidak dapat melaksanakan 100% apa yang ia kehendak. Kadang-kadang apa yang dia hendak, lain pula yang ia perolehi. Ini adalah suasana alam ataupun suasana kejadian manusia. Oleh itu, saya berpendapat apa yang telah diramalkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bagi tahun 1985, 1986 dan juga 1987 walaupun tidak tepat dan tidak berjaya, tidak payah dihairankan ataupun dibangkitkan kerana itu hanya ramalan manusia sahaja. Soal tercapai atau tidak ini di luar daripada kekuasaan manusia.

Tuan Yang di-Pertua, sebab ramai orang-orang yang membuat ramalan, berbagai-bagai ramalan termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada di dalam Dewan yang mulia ini pernah membuat berbagai-bagai ramalan. Umpamanya, sebelum pilihanraya umum diadakan, bahawa apabila pilihanraya diadakan mesti partinya akan dapat memerintah negara ini. Tetapi setelah pilihanraya berlaku, jelas bahawa Kerajaan Barisan Nasional juga yang memerintahnya. Di antaranya parti PAS berkali-kali membuat ramalan bahawa mereka akan dapat menawan negeri Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah tetapi apabila pilihanraya umum dilakukan, jelas Kerajaan Barisan Nasional juga yang memerintah. Di manakah terletaknya ramalan ulama-ulama PAS yang tidak berasas ini, kerana manusia hanya merancang sahaja, yang membuat keputusan muktamad hanya Allah Subhanahu wataala.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa Belanjawan tahun 1987 adalah suatu keputusan

yang sederhana, bijak, berhati-hati, berani, dapat diterima oleh kebanyakan masyarakat terutamanya yang berpendapatan rendah. Kita tidak boleh mengatakan penakut, tidak bertanggungjawab dan lemah dengan hanya kita membuat penilaian mengikut zahir sahaja. Apa yang patut kita membuat penilaian ialah hati seseorang itu kerana mengikut pandangan Islam. Nabi bersabda, yang memberi erti: "Allah Subhanahu wataala tidak menilai kepada bentuk rupa kamu dan pekerjaan kamu, bahkan ia menilai kepada rahsia yang ada di dalam hati seseorang kamu."

Tuan Yang di-Pertua, kalau benar-benar kita semua mahu membela nasib bangsa kita dan mahu negara kita maju dan makmur, tidak mahu melihat masyarakat berpecah belah, negara hancur, curahlah harta benda, jiwa raga, usaha tenaga, segala buah fikiran demi untuk satu matlamat, satu tujuan, tidak payah bangkit perkara-perkara yang sudah-sudah yang boleh menghangatkan lagi perasaan kita. Matlamat kita berjuang untuk kehidupan rakyat dengan makmur, untuk negara kita dalam keadaan aman bahagia. Kita jua mencari keredaan Allah dengan semata-mata kerana Allah. Moga-moga dengan semangat ini dapatlah kita menghindarkan segala rupa bentuk yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam.

Tuan Yang di-Pertua, Islam menggalakkan manusia berfikir, berusaha dan berikhtiar untuk mencari dan mengajar segala kemewahan nikmat-nikmat yang Tuhan telah menyediakan di dunia ini. Oleh sebab itu kita lihat Kerajaan telah berusaha dengan bermacam-macam program untuk dilaksanakan supaya segala yang ada di muka bumi ini menjadi bahan-bahan kemudahan kekayaan manusia. Tetapi oleh kerana segala kemudahan-kemudahan ini bergantung dengan urusan manusia

maka telah tentulah manusia tidak dapat melaksanakan sesuatu mengikut kehendaknya. Itulah sebab-sebabnya di mana-mana sahaja rancangan yang dirancang, kita dapati terbengkalai. Hakikat ini mesti diyakinkan oleh setiap insan kerana ianya menjadi akidah seseorang Islam.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai dengan Belanjawan 1987, saya banyak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang mana dengan beraninya pada masa membentangkan Belanjawan baru-baru ini telah mengutamakan kawasan luar bandar lebih banyak mendapat peruntukan. Ini memang kena pada masa dan tempatnya kerana masyarakat luar bandarlah lama dahagakan kemudahan-kemudahan asas, jauh ketinggalan dalam segenap bidang, kalau hendak dibandingkan dengan masyarakat di bandar. Sedangkan merekalah orang yang memberi sokongan penuh mengukuhkan kedudukan Kerajaan yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran rupa-rupanya di antara Kementerian-kementerian yang banyak mendapat peruntukan. Dengan ini disyorkan supaya Yang Berhormat Menteri Kewangan mengambil perhatian dengan membawa peruntukan itu ke luar-luar bandar untuk meninggikan taraf pembelajaran penduduk luar bandar dengan mengubahsuaikan pertamanya bangunan-bangunan sekolah yang sudah usang; kedua, menghantar guru-guru yang berkebolehan; ketiga, menyediakan kemudahan pelajaran yang cukup dan keempat, mengadakan perpustakaan dan bahan-bahan bacaan yang cukup dan lain-lain yang diperlukan supaya pelajar-pelajar luar bandar dapat disamakan taraf pencapaian akademik mereka dengan kanak-kanak di luar bandar. Dengan ini juga dapatlah mengurangkan

masalah keciciran kerana apa yang kita tahu bahawa kanak-kanak di luar bandarlah banyak terlibat dengan keciciran yang menyebabkan masalah sosial.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini juga, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga mesti turut sama memainkan peranan supaya kanak-kanak yang bakal menjadi belia dapat diawasi dan dikawal dari pengaruh-pengaruh kotor yang boleh mempengaruhi mereka terjerumus ke lembah keburukan. Pepatah Arab ada berkata, dengan izin, "al-wikhayatu khairun minal ilaj", yang memberi erti, mengawal lebih baik daripada mengubat. Sebab telah ramai belia-belia kita yang sudah terperangkap dengan pengaruh-pengaruh ini; pertama, penyalahgunaan dadah; kedua, concert "rock" dan ketiga, merogol, memecah rumah dan sebagainya. Ini semua berpunca dari ketiadaan kawalan yang cukup di masa kecil, keciciran pelajaran, masa kosong lebih banyak kepada mereka, bebas pergaulan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, di masa ini jugalah kalau hendak diterapkan dengan nilai-nilai Islam ke dalam jiwa mereka sebagaimana pepatah mengatakan "melentur buluh di masa rebung". Dengan mengajar pelajaran agama, akhlak dan sebagainya kepada mereka, apabila mereka dewasa kelak, mereka merasai diri mereka bertanggungjawab bukan sahaja kepada diri mereka, bahkan kepada ibubapa mereka, guru-guru mereka, jiran, masyarakat dan seterusnya kepada negara mereka. Mereka juga berakhlak mulia, berdisiplin, berjajalah kita melahirkan jenerasi yang soleh dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dengan adil, saksama, beramanah, bersih dan cekap.

Tuan Yang di-Pertua, sesudah itu apabila kita membawa mereka ke

dalam sektor di bawah ini, mereka dapat melaksanakan dengan jujur dan ikhlas. Umpamanya dalam sektor pertanian, tentu sekali mereka benar-benar menjadi kaum tani yang bersemangat, tidak mengenal penat lelah, asalkan mereka dapat memungut hasil yang lumayan. Keduanya, kalau kita membawa mereka dalam sektor perniagaan, mereka dapat mengawalkan perasaan khianat, menipu dan sebagainya. Kalau kita membawakan mereka ke sektor pentadbiran pula, mereka bersifat dengan amanah, jujur dan ikhlas. Dari sini akan timbullah masyarakat yang harmoni, aman dan makmur.

Kepada Kementerian Kesihatan pula, tidak kurang perlu perkhidmatannya dibawa ke luar bandar. Kerana apa yang kita nampak bahawa penyakit berjangkit selalu berlaku di kawasan luar bandar dan makanan yang kurang zatnya juga masih digunakan oleh masyarakat di luar bandar. Oleh itu kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga disyorkan supaya memperbanyakkan lagi klinik-klinik dan pegawai-pegawai perubatan di luar bandar, sebabnya kalau rakyat tidak sihat, segala apa yang dirancangan tidak berjaya, sebagaimana sabda Nabi s.a.w., dengan izin, "al-aklu salimi fi jismi salimi", yang bererti akal fikiran yang waras berada di badan yang sihat.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan juga turut terlibat sama dengan kawasan luar bandar sebab maklumat-maklumat Kerajaan tidak sampai kepada penduduk-penduduk luar bandar. Jika tidak dapat memberi penerangan yang cukup terutamanya dasar-dasar Kerajaan, perlu diperluaskan sibarannya di kawasan-kawasan luar bandar kerana ramai penghasut-penghasut kepada penduduk-penduduk di luar bandar supaya jangan terima dasar Kerajaan taghut dan sebagainya. Oleh itu

disyorkan supaya Kementerian Penerangan dapat melipatgandakan lagi pegawai-pegawai Penerangan supaya masuk ke kawasan luar bandar bagi menyampaikan maklumat-maklumat Kerajaan yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar diharapkan dapat membangunkan masyarakat luar bandar dengan mengadakan berbagai-bagai kemudahan asas dan juga diharapkan berhati-hati hendak mengadakan projek-projek supaya tidak jadi membazir.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku dalam masyarakat kita hari ini dan perkara ini juga boleh menjejaskan ekonomi negara kita, iaitu adanya golongan-golongan yang menanam semangat membencikan Kerajaan. Apa yang Kerajaan buat semuanya tidak betul-subsidi baja, benih padi dan pokok, semuanya haram; buat taliair, jalanraya, paip air, bekalan api, semuanya dunia. Menaburkan fitnah ke sana-sini hinggalah masyarakat melakukan di antaranya akad nikah dua kali, bersembahyang Jumaat di dua tempat satu mukim, pulau-memulau dan sebagainya terlalu amat terjadi-jadi dalam masyarakat kita pada hari ini. Diharapkan gejala-gejala seumpama ini dapat dihapuskan supaya rakyat kembali bersatupadu demi keutuhan umat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencari kebaikan, perlulah kita kembali ke jalan Allah, jalan yang lurus. Tuhan Berfirman, dengan izin, "Ihdinassiratal mustaqim", yang bererti, Wahai Tuhan kami, tunjukkanlah kami ke jalan yang lurus.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang ada di depan kita sekarang ialah membahaskan Ucapan Belanjawan Tahun 1987. Sepatutnya banyak kita

memberi pendapat, pandangan dan teguran mengenai dengan tajuk ini supaya apa yang telah diperuntukkan kepada Kementerian-kementerian itu benar-benar dapat dirasai oleh mereka

yang patut diberi. Dan sama-sama kita mengkaji, berusaha, apa yang dikurangkan itu dapat ditampung semula di tahun-tahun yang akan datang, dengan tidak payah membawa cerita-cerita lama yang kita rasa tidak kena-mengena dengan tajuk ini.

Tuan Yang di-Pertua, ya! memang betul kalau hendak menyalahkan orang, banyak cerita-cerita yang dapat dikarang dan kita suka mendedahkan kesalahan orang di depan khalayak ramai, ini telah menjadi lumrah manusia, tetapi kalau dihalusi perbuatan begini bertentangan dengan Islam. Kalau orang yang berpandu kepada ayat Quran, dengan izin, Hudallil mutaqqin, dan Hadis Nabi s.a.w.: *Ala innabisyaidi muderah.....* hingga akhir, tentu ia tidak suka mencari-cari kesalahan; memadaai untuk membaiki kesalahan dirinya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, ya! memang di antara parti Pembangkang adalah suatu parti yang suka menuduh orang lain. Satu di antaranya manakala Yang Berhormat Dato Musa Hitam meletak jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dengan tuduhan yang bermacam-macam, di antaranya krisis politik dan sebagainya. Tetapi ada di antara parti Pembangkang, bukan sahaja yang ada meletak jawatan, bahkan hasil daripada krisis mereka, sekarang ada banyak di antara parti-parti yang telah ditubuhkan di negara kita ini. Ini semuanya berpunca daripada besarnya krisis dalam parti itu, tetapi bagi pihak parti UMNO tak pernah membuat tuduhan yang melulu terhadap parti itu. Dengan kemerosotan ekonomi negara dituduhnya orang-orang tertentu rasuah, tetapi derma-derma yang dipungut daripada orang miskin di

kampung-kampung dengan tidak ada satu faedah pun kembali kepada mereka, yang diragukan ke mana wang itu disalurkan sedangkan wang itu wang negara juga, tidak pula dikatakan rasuah, tetapi dihiaskan dengan perkataan "derma jihat".

Di masa UMNO menubuhkan Perikatan dahulu dengan MCA dan MIC dituduhnya orang-orang UMNO kafir, kerana bekerjasama dengan orang-orang bukan Islam. Masa parti itu bekerjasama dengan parti Barisan Nasional, termasuk juga parti MCA dan MIC dan lain-lain parti hukumnya tidak kafir. Seterusnya apabila parti itu keluar daripada Barisan Nasional hukumnya pula kafir. Inilah di antara sikap parti itu yang memecah-belahkan ummah, yang boleh menjejaskan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, bukan setakat itu tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin parti itu yang mengaku ianya perjuangan Islam, banyak lagi di antaranya:

- (i) amalan ibadat orang-orang UMNO tidak sah selagi tidak masuk PAS. Ini terang-terang bercangah dengan Islam sebab Islam mengatakan sesiapa yang mengucapkan dua kalimah syahadah, maka ianya boleh diiktirafkan sebagai seorang yang Muslim dan ibadatnya itu dikirakan sah.
- (ii) di antaranya PAS mengaku partinya parti Allah berdasarkan pada perkataan Hizbullah.

Kalau hendak berdasarkan dengan kata-kata begini maka semua parti-parti yang ada ini boleh dikatakan parti Allah kerana manusia semua ini telah tentu ianya tidak dapat lari daripada hamba Allah belaka, tidak seorang pun dari kita ini bukan hamba Allah. Soalnya taat kepadaNya atau tidak, itu sahaja. Di antaranya subsidi

Kerajaan kepada orang ramai tidak boleh diterima kerana haram, tetapi elaun daripada Kerajaan yang diuntukkan kepada wakil tertentu halal. Kalau Kerajaan cuba hendak memajukan sesuatu kawasan semuanya dunia, tetapi kalau di antara Wakil-wakil Rakyat yang membuat bangunan yang besar-besar semuanya tidak mengapa. Di antaranya, Tabung Haji membuat bangunan yang tinggi dan cantik dari hasil keuntungan perniagaan dari wang pertaruhan penyimpan-penyimpan, ditegur dan dicaci sedangkan bangunan itu telah tentu ada tersergam, dapat digunakan untuk urusan-urusan tertentu. Tetapi keuntungan yang diperolehi oleh swasta atau badan-badan yang lain tidak nampak ke mana dibawa dan tidak pula dapat digunakan oleh masyarakat umum dipuji dan digalakkan. Jadi beginilah saya tidak dapat meneka apakah sikap parti itu dapat menjadi teladan kepada kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, hendak jadi orang taqwa, ini semuanya orang mahu, tetapi bagaimanakah sifat-sifat yang patut kita lakukan selain daripada kita memperbetulkan akidah, kita juga beribadat kepada Allah, janganlah kita suka mencela, mencaci, menimbulkan berbagai-bagai fitnah semata-mata untuk kepentingan diri sendiri, melaga-lagakan orang hingga jadi berpuak-puak, bercakar sama sendiri, orang lain yang mendapat untung, insallah kita orang Islam semuanya yakin dunia ini tempat hidup sementara sahaja, akan kembali ke alam baka. Di sanalah kita akan melihat siapa yang betul dan siapa yang bersalah, sama-sama kita akan mendapat balasan dari Allah: imma Syurga waima Neraka.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya untuk memulihkan kemelesetan ekonomi negara, saya menyeru kepada Kerajaan, di antara lain hendaklah benar-benar

menjadikan sektor pertanian supaya tanah-tanah terbiar tidak lagi ada dan bukannya tanah Kerajaan kepada orang-orang yang benar-benar hendak berusaha demi untuk dimajukan. Tubuhkan industri di kampung-kampung, di luar bandar supaya rakyat di luar bandar tidak berhijrah ke bandar-bandar, pengangguran juga dapat dikurangkan. Apa-apa projek hendaklah berhati-hati supaya tidak membazirkan wang yang begitu banyak.

Di antara parti Pembangkang pula diseru cukuplah dengan memfitnahkan yang ditabur sudah berpuluh-puluh tahun, masyarakat sudah berkucar-kacir, berpecah-belah sukar hendak dipadukan, banyak sudah trajedi-trajedi yang berlaku disebabkan semangat yang ditanam oleh parti tersebut, peristiwa demi peristiwa tidak reda-reda, tiap-tiap kali mengadakan ijtimak diseru dengan takbir, jihat, berani mati dan sebagainya. Ada juga di antara parti Pembangkang di antara lain tidak habis-habis membawa cerita krisis keyakinan, mencabar Kerajaan dengan 1001 cerita, suka merendahkan kepada orang lain. Apa yang Kerajaan buat semuanya tidak memberi keyakinan kepada orang lain, semuanya ini gejala-gejala yang tidak sihat, yang patut diperbaiki demi untuk mencari kebaikan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah membentangkan Belanjawan yang begitu sesuai sekali, kena pada masa dan ketikanya.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pendang.

6.18 ptg.

Tuan Othman bin Abdul (Pendang): Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali

di dalam membahaskan Ucapan Belanjawan ini, saya inginlah merakamkan rasa terima kasih dan penghargaan saya, serta sokongan yang penuh daripada saya dan seluruh pengundi-pengundi di kawasan saya kepada Kerajaan, terutamanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, yang telah pun menyampaikan Ucapan Belanjawannya kepada Dewan yang mulia ini, yang telah menunjukkan perubahan-perubahan yang tertentu kepada kita semua.

Pada dasarnya jumlah peruntukan yang diberikan sebanyak \$27,412 juta itu membahagikan kita kepada dua bahagian:

- (i) untuk Perbelanjaan Mengurus.
- (ii) untuk Perbelanjaan Pembangunan dan 76% daripadanya adalah untuk Perbelanjaan Mengurus dan bakinya 24% berjumlah \$6,673 juta adalah untuk Perbelanjaan Pembangunan.

Setelah lima hari perbahasan ini dijalankan, saya mengambil pandangan bahawa terdapat satu kumpulan Ahli-ahli Dewan DAP yang menjadikan Dewan ini seolah-olah kedai kopi, tempat bahan ketawa, menepuk meja seolah-olah orang yang hilang ingatan, seolah-olah mempermain-mainkan kedudukan Kerajaan di dalam Dewan yang mulia ini. Harapan saya ialah kalau sekiranya ahli-ahli pembangkang DAP yang menganggap diri mereka telah matang, sudah pastilah mereka tidak berkelakuan seperti keanak-anakan ini, tunjukkanlah satu bentuk pembangkang.....

Dr Tan Seng Giaw (Kepong):
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun, atas apa itu?

Dr Tan Seng Giaw: Atas penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat dari Pendang menunjukkan teladan sebagai kepimpinan melalui teladan dengan perangainya, tingkah lakunya, kadangkala naik berang dengan begitu cepat, pemarah di dalam Dewan Rakyat ini dan memilih kata-kata yang biadap dan sebagainya. Bolehkah beliau memberi contoh dengan cakap yang lebih bersopan santun dan sebagainya sejajar dengan nilai-nilai Islam yang dilauung-laungkan.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, saya belum berang, yang berang ialah Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Kalau dia tidak berang tentu dia tidak minta penjelasan. Saya hendak jelaskan, kalau sekiranya kita ini seorang Ahli Parlimen, Ahli Dewan yang baik, kita mestilah menunjukkan teladan yang baik bukan mencemooh orang lain, mempersendakan orang lain. Saya kata keanak-anakan sifatnya. Bila ada Ahli yang ketawa berdekah-dekah di dalam Dewan yang mulia ini bukan kita semua tuli, kita semua dengar. Bila ada Ahli Yang Berhormat menjawab, Yang Berhormat Menteri menjawab, ada berdekah-dekah ketawa. Ini sifat apa, sifat Ahli Dewan yang baikkah?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya ingat eloklah Yang Berhormat teruskan ucapan Yang Berhormat. sudah cukuplah itu.

Tuan Othman bin Abdul: Saya hendak menjawab satu lagi. Soal biadap. Saya gunakan perkataan "keanak-anakan" bukan bahasa biadap. "Keanak-anakan" ini menunjukkan bahawa taraf pemikiran Ahli-ahli DAP itu rendah, itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan.

Tuan Othman bin Abdul: Saya mengatakan tadi bahawa ini bentuk Belanjawan yang baik, yang sempurna, yang perlu diterima oleh semua ahli-ahli masyarakat. Satu persembahan yang berani daripada Kerajaan untuk semua ahli-ahli masyarakat.

Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Menteri Kewangan yang mengatakan bahawa rakyat mestilah sedia berkorban bagi menghadapi keadaan ekonomi yang mencabar. Berkorban sepertimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Kerajaan tidak cukup berkorban. Saya hendak menjelaskan ataupun saya hendak minta penjelasan apakah pengorbanan pembangunan sekarang ini kepada negara kita? Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Ketua Pembangkang sendiri mendapat jumlah pendapatan yang lebih daripada \$8,000 sebulan, apa sumbangannya. Kalau ada sumbangannya kita berharap dia menjelaskan ataupun memberi sedikit sumbangan memotong sebahagian daripadanya untuk Kerajaan. Itu baharulah sumbangan Pembangkang kepada negara kita ini. Saya hendak mendapat penjelasan, hendak mencabar beliau kalau dia berani sila kemukakan. Jika sekiranya dia bersetuju sila huraikan, adakah beliau bersetuju untuk memberi sedikit potongan elaun-elaunnya itu kepada Kerajaan.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada yang bangun pula.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Ahli Yang Berhormat dari Pemandar sedar bahawa Yang Berhormat dari Tanjong sudah memperuntukkan sebahagian

daripada pendapatannya kepada tabung biasiswa di negara ini. Adakah beliau sedar bahawa pencen daripada negeri Melaka itu diperuntukkan untuk biasiswa?

Tuan Othman bin Abdul: Kalau telah ada kita menerima kenyataan, kita ucapkan terima kasih. Beri lagi, kita ucapkan terima kasih dan Ahli-ahli yang lain DAP boleh mengikuti teladan ini. Saya sebutkan tadi bahawa kemerosotan ekonomi negara kita ini adalah ekoran daripada keadaan ekonomi antarabangsa yang tidak begitu baik, yang menurut kejatuhan ini menyebabkan ataupun disebabkan oleh kejatuhan harga minyak yang begitu mendadak sekarang ini.

Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas yang mengatakan bahawa apa pun bentuk perbelanjaan yang disebarkan oleh Kerajaan—yang disampaikan oleh Kerajaan sudah pastilah tidak akan dapat memuaskan hati setiap rakyat di negara ini, ini suatu kenyataan yang saya rasa perlu direnung bersama. Sudah pasti tidak akan sampai dapat persetujuan ataupun menyukakan hati seluruh rakyat di dalam negara kita ini. Jadi, apa kita buat sekarang apa yang kita boleh buat kita mengakui hakikat bahawa perkara-perkara keruntuhan, kejatuhan harga barangan ini adalah faktor yang menyebabkan ekonomi kita ini mundur ataupun dalam keadaan yang tidak sempurna, yang tidak mahu faham juga ialah Ahli-ahli Pembangkang DAP dan PAS yang menyebutkan sebab kemelesetan ekonomi adalah kerana krisis kepercayaan, rasuah, tidak kecekapan Kerajaan, kita boleh bersetuju, kita boleh menerima. Kalau sekiranya rasuah sebagai satu penyakit ketidakcekapan itu juga sebagai satu penyakit, kita cuba ubati tetapi saya tidak dapat meyakinkan diri saya bahawa krisis kepercayaan yang diada-adakan oleh DAP boleh menyebabkan keruntuhan atau boleh menyebabkan kemelesetan

ekonomi negara. Saya tidak yakin, kerana tidak ada pertalian langsung pada pendapat saya yang boleh menyebabkan keadaan ini berlaku. Soal ekonomi tentulah berasaskan kepada ekonomi. Ekonomi merosot, pendapatan Kerajaan kurang maka dengan itu keadaan kita akan bertambah merosot kalau sekiranya ekonomi tidak dibaiki.

Saya sungguh hairan di dalam Dewan ini DAP dengan pandangan-pandangan yang begitu banyak menentang Kerajaan dalam soal Belanjawan ini, tetapi di dalam akhbar Watan yang dikeluarkan DAP bersetuju dengan Belanjawan Kerajaan ini, dan apa yang difahamkan DAP bermesyuarat mengambil persetujuan bahawa mereka bersetuju dengan Belanjawan Kerajaan ini. Kalau sudah setuju katakan setuju, tidak payah lagi berdolak dalik dengan persoalan-persoalan yang bermacam-macam menyebutkan perbalahan yang timbul.....

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Lau Dak Kee: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Belanjawan ini bukan semuanya boleh diterima oleh DAP, ada yang baik kita sokong, ada yang tidak baik kita menuduh. Kita adalah sebuah parti yang constructive.

Tuan Othman bin Abdul: Kita pun begitu. Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional pun begitu. Tetapi takkanlah semua yang Kerajaan buat itu tidak betul. Kita pun beri teguran, pandangan yang membina. Kita sarankan kepada Kerajaan tetapi kita tidak menyebutkan tentang pinjaman Ahli Parlimen itu, pinjaman ini, pinjaman itu. Misalnya penipuan, kita tidak menyebutkan soal itu, itu soal

peribadi. Jika sekiranya seorang Ahli Dewan mendapat pinjaman bank, bank mempunyai kepercayaan kepadanya selepas itu dia dilantik menjadi Timbalan Menteri, apakah dia salah? Semasa dia menjadi seorang Ahli misalnya. Semacam saya, saya mendapat pinjaman, kemudian saya menjadi Ahli Parlimen, adakah salah pinjaman yang saya dapat itu? Ini soalnya. Bukan perlu kita membangkitkan perkara itu semua, tidak perlu kepada saya ini.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya suruh Yang Berhormat dari Pendang bacakan Laporan Ekonomi kerana di dalam hutang itu pada akhir tahun ini hutang akan meningkat kepada \$70 bilion dan pada tahun hadapan \$90 bilion, adakah itu angka yang kecil.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong, itu tidak bersangkutan dengan apa yang diucapkan oleh Wakil Pendang tadi. Penjelasan hendaklah hasil daripada ucapan.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, adalah salah guna kekuasaannya sebagai Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, fasal ia atas pinjaman \$45 juta yang diberikan kepadanya. Dia cagarkan sebidang tanah yang bernilai \$9 juta sahaja. Inilah salah kekuasaannya.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, inilah yang menyebabkan saya ketawa. Kalau saya mencagarkan walaupun harga tanah saya \$90 kalau bank hendak beri saya \$90 juta, apa hendak salah? Tidak salah. Apa ini pun tidak tahu? Tidak salah sebab bank mempercayai

Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dengan harga cagaran \$59 juta dia hendak bagi \$45 juta itu soal bank dengan individu berkenaan. Ini tidak salah.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa tidak usahlah. Masa sudah cukup, minta sambung pada hari Isnin.

Ahl-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menamatkan mesyuarat, saya

mengambil kesempatan untuk mengucapkan kepada semua Ahli-ahli dan kesemua orang-orang yang beragama Hindu "Selamat Hari Deepavali." (*Tepuk*)

Mesyuarat ditangguhkan hingga hari Isnin, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.